

# **BAB KEDUA**

## BAB KEDUA

### KEPENTINGAN AKIDAH DALAM ISLAM

#### 2.1 Manusia Memerlukan Akidah

Semenjak kewujudan Adam dan Hawa<sup>1</sup> di muka bumi ini, sudah ternyata bahawa manusia memerlukan peraturan hidup yang sesuai dengan fitrah mereka. Manusia memerlukan peraturan hidup yang boleh memberikan keadilan sejajar dengan sifatnya sebagai insan, mendisiplinkan tingkah laku serta memandu mereka ke arah kebaikan. Ia memerlukan peraturan yang boleh meninggalkan kesan kepada jiwa sehingga mampu mengawal segala tingkah laku serta cetusan perasaan dan pemikiran.

Allah telah menanamkan kekuatan akidah dan keimanan di dalam hati Nabi Adam a. s. agar dapat menentang segala hasutan daripada iblis yang telah bersumpah untuk menyesatkan Adam dan anak cucunya. Iblis merupakan satunya makhluk Allah yang enggan sujud (hormat) kepada Nabi Adam a. s. sejak mula penciptaan (Adam).<sup>2</sup> Iblis telah menggunakan segala tipu muslihat untuk menghasut Adam dan isterinya Hawa agar melakukan kemungkaran terhadap Allah s. w. t.<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Mereka berdua merupakan manusia terawal diciptakan Allah s. w. t., dan Adam a. s. dikenali sebagai Abū al-Basyar (bapa bagi sekalian manusia), sebagaimana dinyatakan di dalam al-Qurān al-Karim.

<sup>2</sup> Hal ini diterangkan oleh Allah s. w. t. di dalam al-Qurān, antaranya pada Surah al-'A'rāf, ayat 11-17.

<sup>3</sup> Kenyataan ini diceritakan oleh Allah s. w. t. di dalam Sūrah al-Baqārah, 2:35 -36.

Manusia tidak mungkin mencapai darjat kesempurnaan untuk menjadi *Mukmin Sejati* selagi mereka sendiri yang menentukan peraturan, ideologi dan jalan hidupnya. Mereka tidak akan menikmati kesejahteraan yang hakiki walaupun di sekeliling mereka penuh dengan kebaikan dan kenikmatan.<sup>4</sup> Oleh itu setiap dari manusia semestinya memerlukan suatu keyakinan atau kepercayaan terhadap kebenaran sesuatu perkara yang akan dijadikan anutan; disebut juga sebagai *akidah* bagi mencapai hakikat tersebut.

Akidah secara umumnya membawa erti suatu kepercayaan atau keyakinan sesebuah masyarakat atau bangsa terhadap sesuatu perkara secara utuh.<sup>5</sup> Ia juga memberi erti kepercayaan secara yakin terhadap kebenaran tentang sesuatu fahaman atau pemikiran.<sup>6</sup>

Oleh itu dapatlah difahami bahawa, akidah merupakan kepercayaan atau keyakinan; yang dimaksudkan di sini ialah kepercayaan mengenai ketuhanan bagi sesuatu bangsa. Kepercayaan ini berbeza di antara keturunan manusia yang menganuti pelbagai agama di dunia ini seperti agama Islam, Kristian, Yahudi, Hindu, Budha dan sebagainya. Dalam membincangkan persoalan akidah ini terdapat pelbagai pengertian yang diberikan oleh para sarjana termasuklah sarjana Barat.

<sup>4</sup> Abū Bakr Jābir al-Jazā'īrī (t.t.), *'Aqidah al-Mu'min*, Maktabah al-Kulliyat al-Azhariyyah, Kaherah, h. 22-23.

<sup>5</sup> Rohi Balbaki (1997), *Al-Mawrid Qāmus 'Arabi-Inggrizi*, al-Tab'atul 'Asyirah, Beirut, Lubnan, h. 770.

<sup>6</sup> Muhammad 'Adnani (1993), *Mu'jam al-Akhṭa' al-Sā'i'ah*, Tab'ah Thāniyah, Maktabah Lubnan Nāṣirūn, h. 175.

Menurut Gusteve Lebon<sup>7</sup> bahawa: Akidah itu ialah keimanan yang lahir dari suatu sumber yang tidak dapat dirasai, yang memaksa manusia mempercayai sesuatu ketentuan tanpa dalil. Menurutnya, akal seseorang tidak mempunyai saham dalam mewujudkan keimanan walaupun akal berusaha menguatkan keimanannya, sesudah ia wujud. Lantaran itu akidah adalah sesuai dengan kenyataan dan ada kalanya ia tidak sesuai dengan sesuatu realiti itu, dan manusia pula tidaklah berpegang kepada akal tersebut dalam menganut sesuatu akidah yang mana akal itu bersifat bebas (merdeka) lagi murni.<sup>8</sup>

Beliau juga membezakan antara akidah dengan *makrifat* (ilmu). Menurutnya ilmu itu diperolehi dengan dicapai atau diusahakan, manakala akidah ialah suatu perasaan yang terlahir tanpa diusahakan. Sememangnya banyak jenis-jenis *iktitikad* yang berbeza antara satu dengan yang lain menurut perbezaan dan pendidikan sesuatu bangsa itu. Ini bererti setiap bangsa, atau kumpulan manusia itu mempunyai kepercayaan (*iktitikad*) yang telah dipilih untuk dianuti dan dilaksanakan apa yang dikehendaki oleh ikhtidad itu. Oleh yang demikian tidak boleh mendasarkan *iktitikad* itu kepada akal atau pun perasaan semata-mata, malah sebaiknya kita hendaklah mempelajari watak (tabiat) dari *iktitikad* kepercayaan itu agar dapat mengetahui dasar dan tujuannya yang sebenar.<sup>9</sup>

<sup>7</sup> Beliau merupakan seorang 'Sarjana Barat' yang banyak membuat kajian mengenai kepercayaan agama-agama yang wujud; termasuklah kensem akidah di dalam agama Islam.

<sup>8</sup> Mohd. Sanusi Mahmood, *Mengenal Islam Dan Hubungan Dengan Sains dan Teknologi*, Al-Ahmadiyah Press Pte. Ltd., Singapore, h. 104.

<sup>9</sup> T. M. Hasby Ash-Shiddieqy (1976), *Sejarah dan Pengantar Ilmu Tauhid / Kalam*, Bulan Bintang, Jakarta, h. 51-53.

**Baschal**<sup>10</sup> pula mendasarkan akidah kepada perasaan, bukan kepada akal (*ratio*).<sup>11</sup> Keistimewaan yang ada pada akidah itu boleh dirumuskan dalam dua perkara. **Pertama:** Akidah mempunyai daya untuk menggerakkan amal dan usaha yang menepati dengan corak kepercayaannya atau menepati dengan tuntutan akidah yang diimani oleh seseorang individu atau sesebuah masyarakat. Ini menjelaskan bahawa hubungan antara ‘akidah dan amal’ sangat rapat serapatnya hubungan antara sebab dan akibat sehingga gerak laku setiap amalan dan perbuatan itu adalah terjemahan yang tepat kepada akidahnya. **Kedua:** Akidah mempunyai daya kekuatan dan kuasa tarikan yang bersifat *ghaib*, disebabkan alam nyata, erti-nya ia mempunyai asas metafizik dari sudut keghaibannya.<sup>12</sup>

Keistimewaan ini dapat membezakan bahawa pendapat fikiran, ideologi, teori dan seumpamanya itu termasuk dalam daerah maklumat, tetapi akidah termasuk dalam daerah yang sebatی dengan diri seseorang yang berakidah, sebatі dengan batin, jiwa dan hatinya. Namun demikian, jika diteliti pengertian akidah seperti mana yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh tersebut di atas, masih terdapat kelonggaran dan kekurangan dalam menghayati roh akidah itu sendiri. Ini kerana ‘kalimah akidah’ dengan pengertian-pengertian yang diberikan itu boleh diarahkan kepada sesuatu yang benar atau pun salah. Dengan ini jelaslah dari dari pendapat-pendapat di atas terdapat perbezaan antara satu sama lain mengenai pengertian akidah yang dibincangkan. Pandangan di atas adalah dari perspektif sarjana Barat mengenai akidah.

<sup>10</sup> Ia adalah seorang ‘Orientalis Barat’ yang banyak membuat penelitian terhadap konsep kepercayaan yang wujud dalam kehidupan manusia, termasuklah juga agama Islam yang menjadi agama anutan umat Muhammad s. a. w.

<sup>11</sup> T. M. Hasby Ash-Shiddieqy, *Op. Cit.*, h. 54-557.

<sup>12</sup> al-Sayyid Sābiq (1964 ), *al-Āqā'id al-Islamiyyah*, Dār al-Kitāb al-'Arabi, Kaherah, h. 7-9.

Untuk seterusnya kita lihat pula bagaimana takrif akidah menurut pandangan beberapa sarjana atau ulama Islam. Menurut Bahasa Arab akidah berasal dari “*aqada*” (عَهْد) yang bererti ‘menyimpulkan’ atau dari kata ‘*ya’qidu*’ (يَعْقِدُ) yang memberi erti ‘mempercayai’. Kemudian kata itu berkembang menjadi “*aqidan*” (عَهْدٌ) yang bererti ‘yang dipercayai’.<sup>13</sup> Perkataan ‘*aqidah*’ merupakan *kalimah mufrad* dan jamaknya pula ‘*aqāid*’ (عَقِيدَةٌ - عَقَادَةٌ) yang membawa maksud simpulan iman.<sup>14</sup> ‘**Abd al-Rahman Hanbakah** menyatakan: “Apabila tanggapan terhadap sesuatu telah sampai kepada tahap yang boleh menggerakkan kecenderungan dan mengarahkan kelakuan kepada mentauhidkan Allah, itulah yang dikatakan akidah”.<sup>15</sup> Selain itu, akidah juga membawa maksud himpunan perkara-perkara yang benar yang tertanam di dalam jiwa setiap peribadi Muslim melalui akal dan pendengaran secara semula jadi, dan mempercayainya dengan hati; tidak terdapat percanggahan mengenainya serta mempercayai tentang kewujudan ‘Pencipta’ dan hendaklah beriman dengan-Nya.<sup>16</sup> Ianya juga merupakan suatu perkara yang wajib dibenarkan oleh hati sehingga ia menjadi tenang dan menjadi keyakinan yang mantap, tidak bercampur dengan keraguan-keraguan atau kebimbangan.<sup>17</sup> Ini kerana di dalam Islam, akidah yang

<sup>13</sup> *Ibid.*, h. 29-31. Lihat sama Mohd. Sulaiman bin Haji Yasin (1981), *Pengantar Aqidah*, Persatuan Mahasiswa Timur Tengah, Malaysia, h. 207.

<sup>14</sup> Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawi (t.t.), *Qamus Idris al-Marbawi*, Juz-II, Pustaka Nasional, Singapore, h. 36.

<sup>15</sup> Abd al-Rahmān Hanbakah al-Midani (1966), *al-Aqidah al-Islāmiyyah Wa Asasuhā*, Damsyik, Cet. 1, h. 30. Lihat sama Ibn Taimiyyah (t.t.), *al-‘Aqidah al-Wasatiyah*, Dar al-‘Arabiyyah, h. 5.

<sup>16</sup> Abu Bakr Jābir al-Jāzairi (t.t.), *Aqidah al-Mukminin*, Dar al-Kutub al-Salafiah, Kaherah, h. 8.

<sup>17</sup> Ibn Taimiyyah (1980), *Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah*, (terj.) Jamaluddin Kafie, Bangil, h.7.

dikehendaki ialah ‘Akidah Tauhid’, iaitu satu ikatan perjanjian dan kepercayaan secara total kepada hakikat keesaan dan kekuasaan Allah s. w. t.

Justeru itu, akidah di dalam Islam sentiasa ditujukan kepada asas iman dan tauhid dalam konsepnya yang sebenar, kerana iman dan tauhid merupakan asas bagi agama Islam. Tanpa asas ini, Islam seseorang itu akan rosak binasa. Oleh kerana eratnya ikatan antara akidah dan iman, menyebabkan ramai ulama yang mentakrifkan akidah sebagai iman.<sup>18</sup> Hakikat ini bertepatan dengan ayat al-Quran:

فَلِذِكْرِ فَدَنْعُ وَاسْتَقْمَ كَمَا أَمْرَنَتْ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءِهِمْ وَقُلْ آمَنَّتْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ  
مِنْ كِتَابٍ وَأَمْرَنَتْ بِإِعْدَلِ بَيْنَكُمُ اللَّهُ رَبُّنَا وَرَبُّكُمْ لَنَا أَعْمَالُنَا وَلَكُمْ أَعْمَالُكُمْ  
لَا حُجَّةٌ بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمُ اللَّهُ يَجْمِعُ بَيْنَنَا وَإِلَيْهِ الْمَصِيرُ

Ertinya: “Oleh kerana yang demikian itu, maka serulah mereka (wahai Muhammad kepada beragama dengan betul), serta tetap teguhlah engkau menjalankannya sebagaimana yang diperintahkan kepadamu, dan janganlah engkau menurut kehendak hawa nafsu mereka. Sebaliknya katakanlah: “Aku beriman kepada segala kitab yang diturunkan oleh Allah dan aku diperintahkan supaya berlaku adil di antara kamu. Allah jualah Tuhan kami dan Tuhan kamu. Bagi kami amal kami dan bagi kamu pula amal kamu. Tidaklah patut ada sebarang pertengkarantara kami dengan kamu kerana kebenaran telah jelas nyata. Allah akan menghimpunkan kita bersama (pada hari kiamat), dan kepada-Nyalah juga tempat kembali semuanya (untuk dihakimi dan diberi balasan)”.<sup>19</sup>

<sup>18</sup> Ibid h. 8 - 12. Lihat sama Muhammad Abdal Rathimi (1974 ), *Aqidah Islam*, Diponegoro, Bandung, h. 16.

<sup>19</sup> al-Syūrā, 42:15.

## 2.2 Islam Berasaskan Akidah Tauhid

Nabi Muhammad s. a. w. diutuskan oleh Allah s. w. t. bagi memartabatkan manusia ke arah kemuliaan sejagat. Baginda memulakan tugasnya membebaskan manusia dari pengabdian sesama makhluk, kepada pengabdian terhadap Allah bagi mengembalikan harga diri dan nilai manusia yang sebenar dengan bertauhidkan Allah yang Maha Esa. Usaha ini mengambil masa agak lama berbanding dengan bidang-bidang lain yang dibangunkan oleh Nabi s. a. w. Ini kerana dalam tempoh dua puluh tiga tahun, sejak dibangkit menjadi Rasul semasa berusia empat puluh tahun, hinggahal Baginda wafat dalam usia enam puluh tiga tahun, dimana tiga belas tahun dari tempoh itu (semasa di Mekah) Baginda berusaha membina serta memperkuuhkan akidah tauhid di kalangan generasi awal Islam itu.<sup>20</sup> Penekanan Baginda kepada aspek ini memberi makna yang mendalam terhadap nilai akidah berteraskan ketauhidan dalam membangunkan manusia berbanding dengan disiplin-disiplin lain di dalam Islam.<sup>21</sup>

Perkataan ‘Islam’ berasal dari kata dasar Arab ‘salama’ (سلام) yang bererti keamanan, kemudian dipindahkan lagi perkataan itu kepada ‘aslama’ (اسلام) bererti berserah, tunduk dan patuh.<sup>22</sup> Kemudian perkataan itu dibataskan lagi maknanya kepada tunduk dan patuh hanya semata-mata kepada Allah. Manakala

<sup>20</sup> Mustafā al-Sibā'i (1985), *al-Sīrah al-Nabawiyah Durus Wa 'Ibar*, Tab'ah al-Thāminah, al-Maktabah al-Islāmi, Beirut, h. 43-48.

<sup>21</sup> *Ibid* h. 167-170.

<sup>22</sup> Ibrāhīn Madkur (1980), *al-Mu'jam al-Wajīz*, al-Tab'ah al-Ulā, Majmu' al-Lughah al-'Arabiyyah Jumhuriyyah Misr al-'arabiyyah, Kaherah, h. 319.

individu yang menganut agama Islam pula dinamakan ‘Muslim’ (Muslim).<sup>23</sup>

Begitulah makna Islam dari sudut istilah iaitu berserah, tunduk dan patuh kepada Allah s. w. t.; dilakukan secara rela oleh orang-orang yang beriman kepada-Nya. Ia juga bermaksud satu sistem atau perundangan yang lengkap untuk urusan kehidupan yang dibawa oleh Pesuruh Allah (Nabi Muhammad s. a. w.) untuk disampaikan kepada manusia sebagai panduan dan ikutan.<sup>24</sup> Fiman-Nya di dalam al-Quran:

إِنَّ الَّذِينَ عِنْدَ اللَّهِ إِلَيْسَ الْإِسْلَامُ وَمَا اخْتَلَفَ الَّذِينَ أَوْتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مَنْ بَعْدَ مَا جَاءَهُمْ  
الْعِلْمُ بَعْدَ مَا يَتَّهِمُونَ وَمَنْ يَكْفُرْ بِآيَاتِ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ

Maksudnya: “Sesungguhnya agama (yang benar dan direkai) disisi Allah ialah Islam. Dan orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberikan kitab itu tidak berselisih (mengenai agama Islam dan enggan menerimanya) melainkan setelah sampai kepada mereka pengetahuan yang sahih tentang kebenarannya; (perselisihan itu pula) semata-mata kerana hasad dengki yang ada dalam kalangan mereka. Dan (ingatlah), sesiapa yang kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Allah, maka sesungguhnya Allah amat segera hitungan hisab-Nya”.<sup>25</sup>

Setiap dari dasar-dasar agama Islam adalah tetap dan tidak berubah. Ia mempunyai lima rukun asas, iaitu mengucap dua kalimah syahadah, mendirikan sembahyang lima waktu, menunaikan puasa pada bulan Ramadhan, mengeluarkan

<sup>23</sup> Ahmad Amin (1993 ), *Duhā al-Islām*, Maktabah al-'Itimād, Kaherah, h. 103-105.

<sup>24</sup> Abu al-A'la al-Maudūdi, (t.t.), *Toward Understanding*, Elwin Siergar (terj.)., 'Dasar Akidah Islam', Media Dakwah, Jakarta, h. 18.

<sup>25</sup> al-'Imrān, 3:19.

zakat dan menunaikan ibadah haji di Mekah bagi sesiapa yang mempunyai kemampuan.<sup>26</sup> Hal ini jelas sekali berdasarkan hadis Rasulullah s. a. w.:

بَنِيُّ الْاسْلَامِ عَلَىٰ خَمْسٍ شَهَادَةُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ وَإِقَامُ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءُ الزَّكَاةِ وَحَجَّ الْبَيْتِ وَصَوْمُ رَمَضَانَ . رَوَاهُ مُسْلِمٌ

Ertinya: “Islam terbina di atas lima perkara: Mengakui bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan bahawa Nabi Muhammad itu sebagai hamba dan Rasul-Nya, mengerjakan sembahyang (sembahyang lima waktu), mengeluarkan zakat, menunaikan haji ke Baitullah dan berpuasa di bulan Ramadan”.<sup>27</sup>

Agama Islam mengandungi dua aspek utama, iaitu akidah dan syariat. Akidah ialah yang berkaitan dengan kepercayaan kepada Allah. Manakala syariat Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad s. a. w. adalah syariat yang terakhir, mencakupi semua bidang kehidupan manusia dan ia juga kekal sampai ke hari kiamat.<sup>28</sup> Tegasnya, akidah agama mengagungkan unsur-unsur hakikat yang bersifat ghaib, yang menjadi ‘pokok’ kepada pegangan kepercayaannya dan juga mengandungi kedudukan tinggi, yang mengandungi ciri-ciri tunduk, patuh, mengikut, menyerah, sujud, menyembah, mengabdi, memuja dan memuji kepada apa yang diiktikadkan (hanya semata-mata terhadap Allah s. w. t.).<sup>29</sup>

<sup>26</sup> Mahayudin Hj. Yahaya (1986 ), *Ensiklopedia Sejarah Islam*, Jilid II, UKM, Bangi, h. 518.

<sup>27</sup> Muhammad 'Ali Syubaih (1978 ), *Hadits Sahih Muslim*, Fachruddin H. S (terj.), Bulan Bintang, Jakarta, Cet. I., hadis no. 6, h. 27.

<sup>28</sup> Abu al-'Ila al-Maududi, *Op. Cit.*, h. 18-20.

<sup>29</sup> Kesemua itu membuktikan ciri-ciri ketauhidan yang wujud.

Keimanan terhadap kewujudan Allah s. w. t. adalah asas kepada seluruh persoalan akidah Islam. Oleh itu akidah tauhid dapatlah diertikan sebagai ‘kepercayaan secara yakin dengan mengesakan Allah pada kekuasaan-Nya, zat-Nya, sifat-Nya serta menafikan sebarang tandingan dalam penyembahan dan peribadatan kepada-Nya’.<sup>30</sup> Ia adalah suatu iktikad yang menyucikan Allah dari sebarang benda baharu serta tidak menyamakan-Nya dengan sesuatu yang lain.<sup>31</sup> Dengan ini nyatakan bahawa seseorang hamba yang berpegang teguh dengan akidah tauhid sudah pasti ia akan mengesakan Allah s. w. t. dalam semua jenis peribadatan sama ada ibadah zahir atau pun batin seperti berdoa dan sebagainya.<sup>32</sup>

Dalam konteks Islam selain akidah, ia mempunyai beberapa nama lain, walaupun nama-nama ini mempunyai perbezaan, tetapi pada dasarnya objek yang dibicarakan tidak banyak berbeza, iaitu tentang kepercayaan kaum Muslimin. Istilah-istilah tersebut ialah: ‘Ilmu Usuluddin’, iaitu ilmu yang membincarkan tentang pokok atau perkara-perkara asas agama. Di dalam ilmu ini dibicarakan soal-soal akidah atau *iktikad* yang menjadi tunggak bagi agama Islam, iaitu kepercayaan mengenai *Ilahiyyāt*, *Nubūwwāt* dan kepercayaan yang berhubung dengan soal-soal *ghaibiyyāt*.<sup>33</sup> Ia juga disebut sebagai ‘Ilmu Tauhid’; ilmu tentang keesaan Allah s. w. t. Ilmu ini banyak membincarkan mengenai keesaan Tuhan, baik dari sudut *Zat*, *Sifat* ataupun *Af'āl*-Nya. Ia juga membincarkan

<sup>30</sup> Syeikh Sulaiman b. Abdullah b. Muhammad b. Abdul Wahab (1402H), *Taisir al-'Aziz al-Hamid fi Sharh Kitāb al-Tawhīd*, al-Maktab al-Islami, Cet. 5, Beirut, h. 32-33.

<sup>31</sup> Musa Muhammad 'Ali (t.t.), *al-Tawhīd Miṣṭāḥ Da'wah al-Rasūl*, 'Alam al-Kutub, Beirut, h. 57.

<sup>32</sup> al-Sayyid Sābiq, *Op. Cit.*, h. 45-47.

<sup>33</sup> Syeikh Muhammad 'Abduh (1965), *Risālah al-Tawhīd*, Cet. 18, Dār al-Tabā'ah al-Muhammadiyyah, Kaherah, h. 5.

tentang rasul-rasul Allah dengan segala sifat-sifat yang ada padanya. Sebahagian ulama mentakrifkan *Ilmu Tauhid* sebagai ilmu yang menerangkan hukum-hukum syarak dalam bidang *iktiad* yang diperolehi dari dalil-dalil yang *qat'i*, yang berdasarkan '*al-Qurān, al-Hadīth*' dan *īqal* (berdalilkan dalil *naqli* dan *īqli*).<sup>34</sup>

Oleh itu dapatlah disimpulkan bahawa, Akidah Islamiah adalah suatu akidah kepercayaan yang menyeluruh (*syūnid*), kerana ia merangkumi segala aspek tabi'i manusia. Ia juga merangkumi semua peringkat dan lapisan masyarakat. Ini kerana Allah s. w. t. yang mencipta manusia sudah pasti mengetahui segala keperluan dan kepentingan mereka pada setiap tempat dan masa. Justeru itu, Islam merupakan suatu sistem yang mencakupi semua keperluan hidup manusia, sama ada apa-apa yang berkaitan dengan kepentingan negara, pemerintahan dan ummah sejagat.<sup>35</sup>

### 2.3 Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Asas Ukuran

Akidah Islam berdasarkan al-Quran dan Sunnah yang dibawa oleh Rasulullah s. a. w. itulah akidah Sunni. Akidah Sunni (Ahli Sunnah Wal Jamaah) adalah akidah *Salaf* yang ditunjukkan oleh Rasulullah dan para sahabat. Ahli Sunnah ialah mereka yang berpegang dengan al-Quran dan Sunnah serta monolak pendapat-pendapat ahli falsafah. Mereka ini ialah pengikut dua Imam iaitu Abu

<sup>34</sup> *Ibid.* h. 7.

<sup>35</sup> Hasan al-Bannā (1993), *Fahmu al-Islām Fī Zilāl al-Usūl al-‘Isyriñ*, (ta'lif) Amin Abdul Aziz, Dar al-Dakwah, Iskandariah, h. 25.

Mansūr bin Muhammad al-Matrūdī al-Hanafī<sup>36</sup> (M. 333H) dan Abu al-Hassan ‘Alī bin Ismāil al-Asy’ari<sup>37</sup> al-Syāfi’ī (M. 324H) dan pengikut *Salaf*. Al-Sunnah dari sudut bahasa bererti jalan, manakala dari sudut istilah pula ialah segala apa yang datang daripada Nabi Muhammad s. a. w. sama ada perkataan, perbuatan, sifat dan *taqrīr*. Ahli Sunnah juga dapat dierangkan sebagai mereka yang mengikuti dan mempertahankan sunnah Rasulullah itu pada setiap zaman dan waktu.<sup>38</sup> Ia adalah terdiri daripada *Salaf* dan *Khalaf*.<sup>39</sup> Asal perkataan al-Jamaah ialah perkumpulan orang ramai berhimpun. Dimaksudkan dengan mereka di sini ialah golongan orang terdahulu yang terdiri dari kalangan umat ini, iaitu para Sahabat dan Tabi’in (generasi selepas sahabat).<sup>40</sup> Mereka sepakat di atas *al-haq* (kebenaran) yang amat jelas iaitu mengikut kitab Allah dan Sunnah Rasul-Nya s. a. w.<sup>41</sup>

<sup>36</sup> Nama penuhnya ialah Muhammad bin Muhammad bin Mahmūd, lahir di sebuah desa bernama Maturid di Samarcand dan meninggal pada tahun 333 hijrah di Samarkhand juga. Abu Mansur al-Matrūdī juga dianggap sebagai antara tokoh yang turut sama membangun mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah, kerana beliau juga telah berusaha untuk membentarkan fahaman Muktazilah yang telah wujud dalam masyarakat Islam pada masa itu. Manakala pendapatnya adalah sama atau hampir sama dengan pendapat Abu Hassan al-Asy’ri.

<sup>37</sup> Nama penuh beliau ialah Abu Hassan ‘Alī bin Ismāil bin Abi Basyar Ishak bin Sālim bin Ismāil bin ‘Abdillah bin Mūsā bin Abi Bilāl bin Abi Burdah bin Abi Mūsā al-Asy’ari. Abi Mūsā al-Asy’ari ialah seorang sahabat Nabi yang terkenal dalam sejarah Islam. Abu Hssan al-Asy’ari dilahirkan di Basrah pada tahun 260 hijrah. Pada mulanya beliau adalah murid kepada Abū ‘Ali Muhammd bin Abdul Wahab al-Juba’ī (M. 303H), seorang ulama besar kaum Muktazilah. Kemudian beliau telah bertaubat dan keluar dari golongan itu.

<sup>38</sup> *Ibid.*, h. 35. Lihat sama Abdulfatah Haron Ibrahim (1999), *Ahli Sunnah Dan Wujudiah-Batiniah (Mengenai Ajaran Salah)*, Cet. I., JAKIM, Kuala Lumpur, h. 84-85.

<sup>39</sup> *Salaf* ialah para Sahabat dan generasi selepas mereka yang digelar tābi’in dan tābi’īn. *Khalaf* pula ialah generasi yang datang selepas mereka itu. Di antara mereka ada yang berpendirian tegas dan ada pula yang berpendirian sederhana, ada yang progresif dan ada yang konservatif.

<sup>41</sup> Ibn Taimiyyah (t.t.), *‘Alā Hāsiyyah Syarh Li al-‘Aqidah al-Wāsiṭiyyah*, Matba’ah Dār Nasyr al-Thaqfah, al-Iskndariyyah, h. 14.

Zaman Rasulullah dan para sahabat adalah sebaik-baik atau setulen-tulen zaman bagi agama Islam. Kemudian ia diikuti oleh zaman-zaman selepasnya, sebagaimana sabda Rasulullah s. a. w.:

خیر الفرون قرنی ثم الذين يلونهم ثم الذين يلونهم

Ertinya: “Sebaik-baik kurun adalah kurunku, kemudian kurun selepas aku dan kemudian kurun berikutnya”.<sup>42</sup>

Jelasnya, Ahli Sunnah Wal Jamaah ialah tidak lain daripada Asy’ariah, Maturidiah dan Salafiah. Oleh itu dari kacamata Ahli Sunnah yang tiga inilah penulis menilai dokumentasi-dokumentasi yang berkaitan dan juga doktrin ajaran ‘Ajaran Ilassan Anak Rimau’ yang menjadi fokus perbincangan kajian ini.

Dalam konteks priodisasi, golongan yang hidup di zaman Rasulullah hingga abad ke-3 hijrah disebut sebagai golongan *Salaf*. Manakala yang selepasnya disebut *Khalaf* (mulai abad ke-4H). Golongan *Salaf* adalah golongan yang berpegang secara tulen kepada ‘*al-Qurān*’ dan ‘*al-Hadīth*’. Merckalah yang disebut sebagai Ahli Sunnah yang awal. Bagi Ahli Sunnah awalan ini, akidah mereka berdasarkan kepada tauhid tanzih, bukan tasybih dengan berpandukan prinsip *laiysiyyāt*<sup>43</sup> yang tulen yang tidak menggunakan takwi dan tamthīl.<sup>44</sup>

<sup>42</sup> al-Bukhārī, di dalam Fath al-Bārī, 11/244, no. hadīth (629), (6428). Lihat sama, Johari bin Mat (1997), *Ahl Al-Sunnah Wa al-Jama’ah: Satu Pengenalan*, (Jurnal Usuluddin), Cet. 1, Universiti Malaya, h.12.

<sup>43</sup> *Laiysiyyāt* ialah pegangan kepada prinsip bahawa Allah itu tidak ada sesuatupun yang serupa bagi-Nya (ليس كمثله شيء).

<sup>44</sup> Ali Sāmī al- Nasisyār (1986 ), *Nasy’at al-Fikr al-Falsafi, Fi al-Islām*, jild. 1., Dār a-Ma’arif, Misr, h. 308.

Kata al-Nasasyār, mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah telah lahir sejak lahirnya agama Islam lagi. Ia wujud beriringan dengan mazhab-mazhab lain (kemudiannya) bagi menangkis hujah-hujah lawan<sup>45</sup> (yang bertentangan dengan al-Quran dan Sunnah), yang tumbuh sebelum al-Asy'ari dan al-Māturidi<sup>46</sup> serta seorang lagi rakan seperjuangannya iaitu Ahmad al-Tahāwī (M.341H)<sup>47</sup> yang sama-sama berpegang kepada Mazhab Salaf. Mazhab Salaf (Sunni sebelum al-Asy'ari) ini boleh disebut sebagai Sunni awalan yang tulen dan jitu. Dari sudut masa Abu Hassan al-Asy'ari termasuk dalam golongan Khalaf.

Golongan Sunni awalan ini terdiri dari antara lain Mālik b. Anas r. a., Sufiān al-Thaurī, r. a. dan Daud bin Āli al-Asfahāni dan pengikut-pengikut mereka; sampailah kepada Abdullah bin Sa'ad al-Kullābi (M. 240H), Abī al-'Abbās al-Qulansī dan al-Harith al-Muhāsibī.<sup>48</sup> Termasuk juga dalam kumpulan Salaf ini ialah Imam Malik dan kumpulannya; Imām al-Shāfi'i dan kumpulannya, Imam Awzā'i (M.157H), al-Thawrī (M.161H), Imam Ahmad bin Hambal, Imam Abi Hanifah dan Abi Laili (M.148H), dan seluruh para fuqahā'.<sup>49</sup> Golongan Salaf ini dikenali juga dengan golongan *Sifātiyyāt*.<sup>50</sup>

<sup>45</sup> Antara kumpulan yang ditentang oleh kumpulan Ahli Sunnah Wal Jamaah ialah Syiah, al-Rafidāt, Khawarīj, Jahmiah, Muktazilah dan kumpulan-kumpulan lain yang mengikut hawa nafsu dan melakukan bidaah. (al-Nasasyār, Jild 1, h. 294).

<sup>46</sup> al-Nasasyār, *Op. Cit.*, h. 330.

<sup>47</sup> 'Umar Farrākh (1983), *Tārīkh al-Fikr al-'Arabi Ilā Ayyām Ibn Khaldūn*, Dar al-Ilmī al-Malāyīn, Beirut, h. 321.

<sup>48</sup> Abi al-Fath bin Abi Bakar Ahmad al-Syarastānī (t.t.), *al-Mildūl Wa al-Nihāl*, (ed). Abdul Aziz al-Wakīl, Dar al-Fikr, Beirut, h. 92 - 93.

<sup>49</sup> 'Alī Sāmi al- Nasasyār, *Op Cit.*, h. 290.

<sup>50</sup> Abdullah Fahim bin Haji Abdul Rahman, *Op. Cit.*, h. 70.

Perbezaan antara period Malik bin Anas dengan Abdullah bin Sa'ad ialah pada zaman al-Kullabi, telah berlaku percampuran antara mereka dengan ahli Ilmu Kalam (yang membuat sesuatu keputusan berdasarkan logik akal) dimana akidah *Summi Salaf* dipertahankannya dengan hujah-hujah Ilmu Kalam juga. Metod debat dengan menggunakan akal inilah yang sampai kepada Abu Hassan al-Asy'ari apabila beliau berhujah dengan gurunya Abu Ali al-Jubā'i mengenai masalah *al-Salāh Wa al-Aslah*. Abu Hassan al-Asy'ari dikenali sebagai *pentajdid* (pembangun) Mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah.<sup>51</sup> Beliau berusaha bersungguh-sungguh untuk mengikis sahaman-sahaman Muktazilah yang banyak berkembang pada masa itu dan mengembalikan manusia kepada Sunnah Nabi s. a. w. Beliau telah menyatakan dengan terus terang tentang kesilapan kaum Muktazilah dengan membawa hujah-hujahnya. Antara kesilapan Muktazilah ialah mengatakan al-Quran itu makhluk, di samping berbagai-bagai lagi kesalahan terhadap agama Islam yang telah mereka lakukan. Beliau juga telah banyak berdialog dengan pembesar-pembeser Muktazilah untuk menegakkan sahaman Ahli Sunnah. Metod Ilmu Kalam al-Asy'ari ini juga dikenali dengan mazhab *al-Asy'ariyyāt*.

Abu Hassan al-Asy'ari seperti juga al-Kullabi dan Ibn Hambal tetap tidak menggunakan takwil akal terhadap nas. Beliau menerima apa yang disebut di dalam al-Quran dan Sunnah tanpa *takwil, tasybih* dan *takyif*. Inilah yang terdapat dalam karya terakhirnya *al-Ibanāt*.<sup>52</sup> Justeru itu al-Asy'ari tetap mengakui

<sup>51</sup> Abi al-Fath bin Bakar Ahmad al-Syahrastāni, *Op. Cit.*, h. 92 - 96.

<sup>52</sup> Penyunting kitab *al-Ibanāt* karya al-Asy'ari ini, Syeikh Mahyiddin al-Khatib menyebutkan dalam Iasdirnya bahawa *al-Ibanāt* ini adalah hasil karya terakhir Imam al-Asy'ari di samping *Maqalat al-Islamiyyin*. (Sila lihat kandungan *al-Ibanāt* dari awal hingga akhir). *Al-Ibanāt* adalah usul dan asas kepada akidah Abu Hassan al-Asy'ari. Lihat al-Asy'ari, *al-Ibanāt al-Usul al-Diyānat*, (ed.) Fawqiyyah Mahmud (1977), Dar al-Ansar, 'Abidin, Kaherah, h. 91.

kebenaran hujah al-Kullabi yang mengkui metod Imam Ahmad bin Hanbal.<sup>53</sup>

Dalam hal ini kata Imam al-Asy'ari:

*"Kata-kata yang kami ucapkan, dan kaedah agama yang kami miliki ialah berpegang kepada kitab Allah (al-Quran), Sunnah Rasul-Nya, riwayat-riwayat Sahabat, Tabi'in dan hadis-hadis. Kami berpegang kepada semua sumber itu dan kepada kaerah Ahmad bin Hanbal kerana beliaulah Imam dan ketua yang istimewa lagi sempurna yang telah diterangi oleh Allah dengan cahaya kebenaran ke atasnya bagi mendedah serta menyungkapkan segala kesesatan".<sup>54</sup>*

Dalam pendahuluan kitab, *al-Ibanāt Fi Usūl al-Diānat*, karangan al-Asy'ari, disebut bahawa beliau (al-Asy'ari) telah mendapat petunjuk Allah untuk kembali kepada mazhab *Salaf* dengan mengitibarkan sifat tanpa takwil, tasyif dan tamthil. Dari pengakuan ini amat jelas bahawa mazhab Imam al-Asy'ari adalah berdasarkan kaerah yang dibawa oleh Imam Ahmad bin Hanbal. Metod Ibn Hanbal ialah yang diteruskan oleh al-Kullabi, al-Tahawi Ibn Taimiyah<sup>55</sup> (M.728H) dan penyokong aliran *Salaf* yang lain termasuklah Muhammad bin Abdul Wahab. Jadi mazhab Ahli Sunnah adalah mazhab *Salaf* yang didokong oleh Imam al-Asy'ari dan Ibn Taimiyah, juga mereka yang selepasnya. Merekalah yang bersahaman *Salaf Ahli Sunnah Wal Jama'ah*. Persamaan antara Imam al-Asy'ari dan Ibn Taimiyah boleh dilihat melalui karya masing-masing yang menggunakan metod yang sama.<sup>56</sup>

<sup>53</sup> Ali Sāmi al-Nasīṣyār, *Op. Cit.*, h.312.

<sup>54</sup> al-Asy'ari, *al-Ibanāt 'An Usūl al-Diyānat*, h. 8-9. (Lihat sama, *al-Mausu'iyyat al-'Arabiyyat al-Muyassarāt* (1986), jild 2., Dar al-Nahdat, Lubnan, h. 166).

<sup>55</sup> Ali Sāmi al-Nasīṣyār, *Op. Cit.*, h. 272 dan 312.

<sup>56</sup> *Ibid.*, h. 21-23.

Imam al-Asy'ari dalam karyanya yang terakhir al-Ibānāt telah mencela perbuatan Muktazilah<sup>57</sup> dan Qadariah yang mentakwilkan erti ayat-ayat al-Quran tanpa mengikut jejak langkah Rasulullah dan golongan Salaf yang tidak mentakwil pengertian mengikut akal. Contoh takwil ialah antaranya mengenai ayat:

### الرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى

Maksudnya: “(Allah) al-Rahman itu yang bersemayam di atas Arasy”.<sup>58</sup>

Imam al-Asy'ari mendokong tafsiran bahawa Allah itu bersemayam (duduk bersemayam) di tempat yang bernama *Arasy*. Tetapi bagaimana Allah itu bersemayam, tidak diketahui. Dan sudah tentu keadaan semayaam-Nya bukan seperti manusia. Inilah pengertian tanpa takwil dan tamthil.<sup>59</sup> Namun golongan yang menggunakan takwil seperti Muktazilah memberi makna istawā’ (استوی) itu ialah “memerintah” atau “menguasai”, dan Allah itu tempatnya bukan di *Arasy*, tetapi Dia berada di mana-mana tempat.<sup>60</sup>

<sup>57</sup> Kaum Muktazilah yang mempunyai sahaman bahawa Allah tidak mempunyai sifat-sifat-Nya, dan bahawa manusia melakukan amalnya sendiri dengan bebas merdeka, dan bahawa Tuhan tidak boleh dilihat dalam syurga, dan bahawa orang-orang yang melakukan dosa besar diletakkan antara syurga dan neraka; mereka juga beranggapan bahawa Mikraj Nabi s. a.w. adalah dengan roh sahaja. Kemudiannya mereka ini berpecah menjadi dua puluh golongan.

<sup>58</sup> Tāhā, 20:5.

<sup>59</sup> Mohd. Kamil Haji Abdul Majid (1984), *Beberapa Aspek 'Ilm Al-Kalām Mengikut Ibn Taymiyah*, (Tesis M. A.), Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sastera Dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 116-120.

<sup>60</sup> al-Ibānat, *Op. Cit.*, h. 37

Dalam hal ini Ibn Taimiyyah memberi penjelasan: “Allah sendiri mensifatkan diri-Nya beristiwa’ (bersemayam) di atas ‘Arasy-Nya. Ia disebut sebanyak tujuh kali di dalam kitab suci al-Quran. Dia juga menggunakan perkataan istiwa’ bagi makhluk-Nya yang melakukan perkara yang sama (*istiwa’*-semayam), umpama firman-Nya yang berbunyi:

لِسْتُوْنَا عَلَى ظَهُورِهِ ثُمَّ تَذَكَّرُوا بِنَعْمَةِ رَبِّكُمْ إِذَا اسْتَوَيْتُمْ عَلَيْهِ وَتَقُولُوا سُبْحَانَ  
الَّذِي سَخَّرَ لَنَا هَذَا وَمَا كُنَّا لَهُ مُقْرِنِينَ

Ertinya: *Supaya kamu duduk tetap di atasnya; kemudian kamu mengingati nikmat Tuhan kamu apabila kamu duduk tetap di atasnya, serta kamu (bersyukur dengan) mengucap: “Maha Suci Tuhan telah memudahkan kenderaan ini untuk kami, sedang kami sebelum itu tidak terdaya menguasainya”*.<sup>61</sup>

Jelasnya, pengertian al-Asy‘ari dan Ibn Taimiyyah terhadap *istiwā’* Allah di Arasy-Nya adalah sama iaitu dengan mengekalkan makna asal *istiwā’* (bersemayam), di tempat yang disebutkan iaitu arasy, tanpa takwil dan takyif di mana keadaannya hanya Allah sendiri yang mengetahui tanpa boleh ditamthilkan dengan cara dan tempat makhluk bersemayam. Di samping berpegang teguh kepada apa yang tersebut di dalam al-Quran dan al-Sunnah tanpa takwil, *tamthīl*, *tasyib* dan *ta’til* itu, al-Asy‘ari tidak menolak peranan akal. Tetapi akal baginya hanya sekadar mampu menanggapi wujudnya Allah kerana akal adalah alat untuk menanggap (iradat) akan perkara yang ghaib. Tetapi untuk mengenal Allah akal tidak berupaya. Ia (Allah) hanya dapat dikenali melalui wahyu yang diturunkan oleh Allah sendiri.<sup>62</sup>

<sup>61</sup> al-Zukhruf, 40:13.

<sup>62</sup> al-Mausū’at al-‘Arabiyyat, Jild. 1, h. 166.

Dengan berpegang kepada nas dan akal, al-Asy'ari tidak menyentuh langsung peranan ilham atau kasyaf (*zauq*) sebagai punca ilmu. Dengan ini kasyaf tidak boleh dijadikan hujah dalam epistemologi al-Asy'ari. Dalam hal ini beliau sama dengan Abu Mansur al-Maturidi yang menolak kasyaf sebagai sumber makrifah (untuk membezakan antara yang benar dan yang salah) dan hanya menerima pancaindera, nas (khabar *Sadiq*) dan akal yang waras sebagai sumbernya.<sup>63</sup>

Menurut akidah Ahli Sunnah juga, iman seseorang itu tidak diterima oleh Allah s. w. t. kecuali dia beriman dengan apa yang Rasulullah s. a. w. khabarkan tentang apa yang berlaku selepas mati seperti soal munkar nakir, azab kubur, neraca timbangan amal, titian *Sirāt al-Mustiqim*, Kolam Nabi Muhammad s. a. w. dimana orang-orang mukmin akan minum airnya sebelum melintasi titian sirat, hisab kiraan dosa pahala, orang mukmin memasuki syurga, orang yang mentauhidkan Allah akhirnya masuk ke syurga juga selepas penyucian di dalam neraka dengan syafaat para Nabi, ulama, syuhada dan orang-orang mukmin dengan fadhlilah. Orang mukmin tidak kekal di dalam neraka walaupun imannya sebesar atom.<sup>64</sup>

<sup>63</sup> Abu al-Khayr Muhammad Ayyūb 'Ali (1983), *Aqīdāt al-Islām wa al-Imām al-Matūridī*, al-Muassasat al-Islamiyyat Bangladesh, Dakka, h. 313.

<sup>64</sup> *Ibid.*, h. 165-168.

Berdasarkan metod tanpa takwil dan tasybih dan epistemologi (*nas* dan *akal*) di atas, maka prinsip-prinsip akidah al-Asy'ari atau Ahli Sunnah dapatlah dirumuskan seperti berikut:<sup>65</sup>

- i- Alam itu baharu (dijadikan) dan bukannya *qadim*.
- ii- Allah s. w. t. mempunyai sifat yang *qadīm* yang ada pada Zat-Nya.
- iii- Allah dapat dilihat di akhirat.
- iv- Adanya *qada* dan *qadar* dari Allah sejak azali.
- v- Manusia akan dibangkit bersama ruh dan jasad sekali di akhirat nanti.
- vi- Al-Quran adalah *qadim* kerana ia adalah kalam (sifat) yang *qadim*.<sup>66</sup>
- vii- Nama-nama Allah serta sifat-sifat-Nya hendaklah diterima dalam keadaan yang disebutkan al-Quran dan hadis yang sahih juga ijmak ulama tanpa kias (takwil).<sup>67</sup>

<sup>65</sup> *Ibid.*, h. 170-177.

<sup>66</sup> Umar Farrākh, *Op. Cit.*, h. 342.

<sup>67</sup> *Ibid.*

Berdasarkan prinsip-prinsip akidah al-Asy'ari atau Ahli Sunnah seperti mana dinyatakan di atas, jadi kriteria Mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah seperti berikut:<sup>68</sup>

- i- Berpegang kepada nas (*al-Qurān dan al-Hadīth*) tanpa takwil, tamthil, tasyif dan tasybih.
- ii- Menggunakan akal selagi ia tidak melewati batas-batas yang dinyatakan oleh al-Quran dan Hadis; di samping bersandarkan nas ijmak dan kias.
- iii- Tidak menjadikan kasyaf sebagai sumber ilmu.

Dalam kajian ini penulis cuba menunjukkan betapa jauhnya penyelewengan ajaran yang di asas dan dikembangkan oleh Hassan bin Yaacob, yang dikenali sebagai ‘Tarekat Zikrullah Hassan Anak Rimau’, dari dasar akidah Rasulullah yang ditunjukkan oleh golongan Salaf atau Ahli Sunah yang tulen yang berpegang teguh kepada al-Quran dan al-Sunah sebagai mana dibawah oleh tokoh utamanya Iman al-Asy'ari sendiri.

## 2.4 Kemunculan Aliran Kepercayaan Menyeleweng Dalam Islam

Umat Islam sentiasa diancam oleh musuh-musuh yang menunggu peluang untuk menjatuhkannya. Ancaman-ancaman yang cuba diwujudkan merangkumi pelbagai aspek sama ada secara fizikal, mental dan spritual. Kegiatan-kegiatan

<sup>68</sup> Abū al-Khayr Muhammād Ayyūb 'Ali, *Op. Cīt.*, h. 322-329

seperti ini telah bermula semenjak zaman Nabi Muhammad s. a. w. lagi dan berterusan hingga ke hari ini. Salah satu dari bentuk ancaman musuh-musuh Islam ialah kemunculan pelbagai aliran kepercayaan yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Sejarah kemunculan aliran-aliran yang menjadi tunggak perkembangan ajaran sesat yang membawa kepada berlakunya penyelewengan akidah, telah bermula seawal pengakuan Musaylimah al-Kadzāb<sup>69</sup> sebagai nabi. Beliau yang berasal dari kabilah Bani Hārifah telah menentang Nabi Muhammad s. a. w., dan kemudiannya beralih kepada pentadbiran Khalifah Abū Bakar r. a. dengan tujuan menegakkan kekuasaan serta pengaruhnya di Yamamah.<sup>70</sup> Beliau akhirnya dibunuh oleh umat Islam dalam perperangan al-Riddah kerana turut ingkar membayar zakat.

Turut serta dalam pengakuan sebagai nabi ialah Tulaiyah Ibn Khuwailid<sup>71</sup> dari suku Asad, dan Sājah bint Aus<sup>72</sup> dari suku Tamīm. Mereka telah bersatu dengan Musaylimah dalam mempelopori aliran yang bertentang dengan akidah Islamiah di kalangan marasyarakat Islam sendiri. Kesan penyelewengan tersebut

<sup>69</sup> Beliau ialah Musaylimah al-Kadzāb Ibn Thumāmah Ibn Kathir Ibn Habib Ibn al-Harith Ibn A'ddy Ibn Hanifah. Lihat sama Ibn Hazm (1962), *Jamhārāt Ansāb al-'Arab*, (taḥqīq) 'Ab al-Salām Muhammād Ḥārūn, Dār al-Ma'arif, Kaherah, h. 310.

<sup>70</sup> Mahayudin Haji Yahaya (1984), *Sejarah Awal Perpecahan Umat Islam*, Cet. 1, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, h. 2.

<sup>71</sup> Tulaiyah Ibn Khuwailid Ibn Nadal Ibn al-Asytar. Asalnya seorang sahabat Nabi Muhammad, kemudian ia telah murtad dan mengaku menjadi nabi. Pada masa pemerintahan Umar r. a., beliau telah kembali memeluk Islam dan mati syahid pada tahun 21H. Lihat sama al-Baghdādi (t.t.), *al-Farq Baina al-Firaq wa Bayāna al-Firqāt al-Najīdat Minhum*, (taḥqīq) Abi Mansor 'Abd al-Qāhir Ibn Tahir, Cet. 1, Muassasah al-Halabi, Kaherah, h. 10.

<sup>72</sup> Sājah binti Aus Ibn Hariz Ibn al-'Anbar. Beliau juga dikenali sebagai Ummu Sadr dan turut mengaku menjadi nabi.

hingga ke zaman pemerintahan semua Khulafa' al-Rasyidin walaupun golongan ini sentiasa diperangi. Hasilnya umat Islam telah berpecah belah serta sukar untuk disatukan kembali, khususnya dalam perkara yang berkaitan dengan akidah. Kegiatan musuh Islam telah berubah kepada kegiatan akidah seperti '*al-Batiniyah, al-Zanadiqah*' dan sebagainya pada masa Islam belum pun lagi sampai 100 tahun usia kedatangannya di Timur Tengah.<sup>73</sup>

Dipercayai gerakan Batiniah lahir pada zaman al-Makmun dan mula merebak pada zaman al-Mu'tasim.<sup>74</sup> Namun begitu salah seorang tokoh ajaran sesat yang muncul pada zaman pemerintahan Khalifah 'Uthman r. a. turut memberi sumbangan kepada bid'ah akidah dikalangan umat Islam ialah 'Abdullāh bin Saba' yang juga dikenali dengan nama Ibn al-Sauda'(anak negro/hitam). 'Abdullah bin Saba' merupakan seorang Yahudi yang telah berpura-pura memeluk Islam dan kemudian menghasut umat Islam menentang khalifah di samping turut memperkenalkan pemikiran yang anch berkaitan agama dan politik.<sup>75</sup>

Perbahasan dan perbincangan mengenai ilmu pula tumbuh dan berkembang pesat di zaman Abbasiyah. Pelbagai ilmu dan pengajian telah diterjemahkan ke dalam bahasa Arab untuk dipelajari oleh semua lapisan masyarakat pada masa itu. Walaubagaimana pun, kelahiran dan

<sup>73</sup> Abdulfatah Haron Ibrahim (1985), *Ajaran Sesat*, Op. Cit., h. 53.

<sup>74</sup> al-Baghdādi. Op. Cit., h. 170.

<sup>75</sup> Taha Husayn (1961), *al-Fitnah al-Kubrā*, Dār al-Ma'rīf, Kaherah, h. 43.

perkembangannya telah dipengaruhi oleh beberapa faktor dalam dan luarannya yang tersendiri. Di antara faktor dalamannya:

1. Golongan dan tokoh-tokoh agama yang menentang sentiasa menggunakan cara dan hujah-hujah penentang mereka yang baru. Maka ianya tidak lagi dapat diperdebatkan dengan menggunakan ayat-ayat al-Quran. Lantaran itu para ulama terpaksa mencari alternatif lain, akhirnya mereka menemui ilmu Kalam<sup>76</sup> sebagai ilmu yang baru.
2. Banyak berlaku permasalahan dan perselisihan di kalangan mazhab-mazhab yang ada akibat perluasan kuasa Islam serta pembebasan wilayah-wilayah yang dijajah selama ini.
3. Permasalahan serta perselisihan agama dan politik telah mencetuskan pembentukan puak-puak atau golongan-golongan yang tertentu seperti puak Syiah, Khawarij, Murjiah, Muktazilah dan sebagainya. Mereka mempunyai alasan tersendiri untuk membentuk kumpulan atau golongan masing-masing.<sup>77</sup>

Manakala sebab-sebab luarannya pula seperti:

1. Ramai manusia telah menerima Islam sebagai agama setelah banyak berlakunya pembukaan wilayah-wilayah oleh tentera-tentera Islam. Kebanyakan

<sup>76</sup> Dalam "Penyelamat Dari Kesesatan", al-Ghazali, terj. Abdulfatah Haron Ibrahim, DBP, 1997, h. 14. Ilmu yang membahaskan dalil-dalil ketuhanan yang tidak terlepas dari dalil-dalil *aqli* serta mantik (logik). Ahlinya mengeluarkan pendapat dengan menggunakan daya intelek serta ketajaman pemikiran.

<sup>77</sup> Hassan Ayub (1986), *Tabsit al-'Aqā'id al-Islamiyyah*, Cet. 1, Dār al-Turāth al-Ārabi, Kaherah, h. 4.

mereka yang baru menganut Islam berasal dari agama Majusi, Nasrani, Yahudi dan sebagainya. Oleh itu, lahir banyak pendapat dan pandangan tentang agama.

2. Berlaku banyak perselisihan pendapat dan hujah yang berkaitan dengan tauhid terutamanya golongan Muktazilah dari mazhab-mazhab Islam dan agama-agama lain seperti Yahudi, Nasrani, Majusi dan sebagainya yang menggunakan falsafah sebagai senjata utama mereka dalam pertembungan yang berlaku.
3. Golongan *al-Mutakallimun* yang mewakili golongan agamawan pada masa itu juga terpaksa membaca, mengkaji dan mendalami ilmu falsafah untuk menolak hujah-hujah golongan yang menggunakan falsafah sebagai senjata sebagaimana yang telah dilakukan oleh Iman al-Ghazali.<sup>78</sup>

Selain itu, masyarakat Islam pada zaman klasik menghadapi beberapa masalah lain yang agak kuat membelenggu seperti ilmu-ilmu yang tidak bermanfaat seperti sihir dan sebagainya. Manusia juga ramai yang jumud, mempunyai pemikiran yang sempit dan terbatas. Tidak berlaku ledakan yang pesat dalam bidang penyelidikan, perbahasan tentang ilmu. Jika ada pun, ianya tidak menyeluruh dan tidak melibatkan segenap lapisan masyarakat.

Manakala serangan-serangan moden lebih hebat daripada serangan dalam bentuk yang klasik kerana ianya menggunakan segala kecanggihan teknologi yang ada serta ledakan maklumat yang berlaku mutakhir ini.

---

<sup>78</sup> Hassan Ayub, *Ibid*, hal. 295.

Aliran kepercayaan yang menyimpang dari akidah Islam ini berlanjutan dari generasi ke generasi, dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Sekarang ini ajaran sesat yang ‘mengancam akidah’ ini dikatakan telah mempengaruhi umat Islam di Malaysia. Gejala ini jika tidak dibendung boleh merosakkan akidah umat Islam dari akidah yang suci.

## 2.5 Aliran Kepercayaan Yang Menyeleweng Di Malaysia

Berdasarkan kepada kajian mengenai sejarah kedatangan Islam di Tanah Melayu jelas menunjukkan bahawa perkembangan Islam ketika itu tepaksa bersaing hebat dengan pelbagai kepercayaan dan amalan yang berbentuk warisan juga kepercayaan mendatang, khususnya pengaruh Hinduisme dan Animisme yang telah bertapak dalam masyarakat Melayu sejak sebelum kedatangan Islam lagi. Unsur-unsur ini telah mendasari sebahagian besar dari aliran-aliran kepercayaan yang muncul di Malaysia.<sup>79</sup>

Menyentuh tentang sebab-sebab kemunculan ajaran menyeleweng daripada akidah Islamiah atau disebut juga sebagai ajaran sesat di Malaysia, secara umumnya dapatlah penulis nyatakan bahawa sebelum merdeka, teraju ilmu-ilmu agama dipegang oleh ulama keluaran Mekah yang terletak di bawah pemerintahan Turki Uthmani hingga sampai kezaman Salafi Wahabi. Peranan keluaran Mekah ini kemudian diikuti bersama oleh keluaran al-Azhar dan India.

---

<sup>79</sup> Siti Ramlah binti Ibrahim (1999), *Aliran-Aliran Kepercayaan Di Malaysia: Kajian Khusus Terhadap Ajaran Qadiani*, (Tesis M. A), Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), Kuala Lumpur, h. 35-36.

Penghayatan agama disepanjang zaman ini adalah tenang, tidak kedengaran sebarang ajaran yang dilebelkan dengan ‘sesat’, kecuali apabila lahirnya kaum tua dan kaum muda. Mereka hanya bertelagah dalam masalah-masalah khilafiah. Sumber rujukan ilmu pada masa itu keseluruhannya tidak terkeluar daripada kitab-kitab jawi lama di samping kitab-kitab *turath* (perbendaharaan pusaka) dalam Bahasa Arab yang terbatas yang diwarisi dari zaman kegemilangan Islam. Ilmu-ilmu ini terbatas dan tertumpu kepada fikah, tauhid dan sedikit ilmu tasawuf dan ilmu-ilmu Bahasa Arab.

Manakala ilmu-ilmu akliah Islam (falsafah, kalam, tasawuf) walaupun ada tetapi tidak kedengaran khususnya falsafah, kerana alam Nusantara mengikut mazhab Ahli Sunnah yang amat bosan dan anti falsafah kerana wujud percanggahan dalam tiga masalah asas iaitu *âlam qâdîm*, Allah tidak tahu perkara *juz' iyyât* dan manusia dibangkitkan dengan roh sahaja tidak dengan jasad. Manakala Ilmu *fîraq* Islamiah yang mana golongan yang benar dan mana golongan yang salah hampir tiada mendapat perhatian.<sup>80</sup> Ekoran daripada maklumat yang terbatas inilah orang hampir tiada boleh berbuat apa-apa apabila lahirnya Batiniah dan tasawuf liar seperti yang dibawa oleh al-Hallâj dan al-Sahrwadi *al-Maqtûl* (mati dibunuhi).<sup>81</sup> Tempat belajar ilmu-ilmu agama ialah pondok, sekolah Arab dan sumber utamanya ialah Makah kemudian diikuti dengan al-Azhar dan sedikit dari India.

<sup>80</sup> Abdulfatah Haron Ibrahim, *Ahli Sunnah Dan Wujudiah Batiniah, Mengenai Ajaran Salah*, Op. Cit. h. 5-8.

<sup>81</sup> Tawfiq al-Tâwil (t.t.), *Qissah al-Nizâ' Bian al-Dîn Wal al-Falsfah*, Maktabah Misr, Kaherah, h. 129-135.

Tetapi mulai dari tahun 70an, 80an, dan 90an teraju pengajian ilmu-ilmu Agama Islam bukan sahaja dipegang oleh keluaran Mekah, al-Azhar, pondok-pondok dan sekolah Arab, tetapi datang daripada segenap penjuru alam termasuk daripada Barat. Sekarang, tasawuf wahdah al-wujud dan falsafah yang dicurigai oleh Ahli Sunnah selama ini telah mendapat tempat yang istimea dan telah menjadi satu kebanggaan terutama di peringkat pengajian tinggi universiti yang dipelajari dan dianugerah ijazah tertinggi bukan sahaja daripada negara-negara Islam tetapi yang bukan Islam. Falsafah, sama ada falsafah tulen atau falsafah yang bercampur aduk dengan Ilmu Kalam dan Tasawuf (*ulum al-'Aqliyyah*), yang dicurigai oleh tokoh-tokoh Ahli Sunnah pada zaman silam tiada dicurigai oleh pihak rasmi tempatan. Falsafah atau *Ulūm al-'Aqliyyah* dan *fīraq* Islamiah memang patut dipelajari secara analisis kritis agar boleh dikenali apakah itu benar atau salah. Di manakah tempatnya yang sebenar dalam Akidah Islam Ahli Sunnah Wal Jamaah.<sup>82</sup>

Kewujudan aliran kepercayaan menyeleweng di Malaysia seringkali dikaitkan dengan ajaran sesat<sup>83</sup> yang cuba menyekat perkembangan dan pertumbuhan ajaran Islam. Ini kerana pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), sebuah badan yang bertanggungjawab dalam hal-hal yang berkaitan dengan agama Islam termasuk memantau gejala penyelewengan akidah, telah

<sup>82</sup> Abdulfatah Haron Ibrahim, *Op. Cit.*, h. 10-12.

<sup>83</sup> Majlis Ulama Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura (MABIMS), mendefinisikan ajaran sesat sebagai: *Sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang-orang Islam atau orang-orang bukan Islam yang mendakwa bahawa ajaran atau amalan tersebut adalah ajaran Islam atau berdasarkan kepada ajaran Islam, sedangkan pada hakikatnya ajaran dan amalan yang dibawa itu bertentangan dengan ajaran Islam yang berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah, serta bertentangan juga dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah.* Sila lihat Bahagian Hal Ehwal Islam ( BAHEIS), *Kriteria-Kriteria Ajaran Sesat* 1994, Cet. 1, Kuala Lumpur, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, h. 1.

dapat mengesan beberapa ajaran atau tarekat yang menyeleweng dari ajaran Islam.<sup>84</sup> Antara kriteria-kriteria ajaran sesat yang menyeleweng itu ialah:<sup>85</sup>

- i- Kepercayaan kepada rukun iman, asas akidah yang bertentangan dan tidak selaras dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah; mempercayai ada kitab dan kiblat lain, mendakwa sebagai rasul, memusnahkan al-Quran dan hadis.
- ii- Mempertikai dan menafikan kebenaran al-Quran dan hadis.
- iii- Mendakyah diri sendiri atau ketua sebagai nabi terakhir, Nabi Isa, Imam Mahdi atau istilah-istilah seumpamanya.
- iv- Kepercayaan kepada penyatuan beberapa agama terbesar di dunia sebagai agama yang sepatutnya menjadi anutan umat manusia.
- v- Pendakwaan diri atau pemimpin, atau kumpulan ajaran tersebut secara bertentangan dengan akidah Islam, khususnya akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.
- vi- Mengadakan bidaah atau pendapat baru yang bertentangan dengan akidah dan syariat, seperti menghapuskan kewajipan berjihad, solat Jumaat, puasa Bulan Ramadhan, menunaikan fardu haji di Mekah dan lain-lain yang berkaitan dengan dasar akidah dan syariat Islam.
- vii- Mentafsir dan menghurai al-Quran dan hadis sesuka hati, lebih-lebih lagi dengan pentafsiran yang dibuat terhadap dua sumber utama di

<sup>84</sup> Lihat Jadual 1.

<sup>85</sup> Bahagian Hal Ehwal Islam ( BAHEIS), *Op. Cit.*, h. 1-2.

dalam Islam itu, membawa kepada individu atau masyarakat Islam rosaknya akidah mereka justeru berpegang teguh dengan pentafsiran salah tersebut.

Di Malaysia, dianggarkan sebanyak 60 ajaran tarekat yang didakwa menyeleweng dan sesat.<sup>86</sup> Ajaran sesat yang paling lama kewujudannya di negara ini ialah Ajaran Taslim yang dibawa oleh Mohamad bin Syafi'i, yang lebih terkenal dengan panggilan Mohamad Matahari pada akhir abad ke-19, di Kampung Seronok, Bayan Lepas, Pulau Pinang.<sup>87</sup>

Pernyataan di atas menunjukkan aliran kepercayaan yang menyeleweng yang lebih dikenali dengan ajaran sesat telah berakar umbi dalam masyarakat Islam di Malaysia. Perkembangannya bertopengkan Islam berjaya meraih sokongan segelintir umat Islam.<sup>88</sup>

Sebelum penubuhan Majlis/Jabatan Agama Islam di negeri-negeri di Malaysia<sup>89</sup> antara awal tahun 1900 hingga selepas merdeka (1975), tidak ada pihak yang mengambil tahu tentang perkembangan ajaran menyeleweng dari akidah Islamiah di negeri-negeri berkenaan, kecuali guru-guru agama atau guru pondok. Pada masa itu kemunculan ajaran yang menyelewengkan akidah setiap

<sup>86</sup> Ini kerana ajaran-ajaran sesat yang wujud di Malaysia didapati dalam tiga keadaan, iaitu tarekat atau tasawuf sufi, mistik dan bebas. Lihat jadual 2.

<sup>87</sup> Abdullah Fahim bin Haji Abdul Rahman, *Op. Cit.*, h. 31-32. Juga pernyataan dari JAKIM, halaman internet [http://www.Islam.gov.my/sesat/BM/#1.Sejarah\\_Ringkas](http://www.Islam.gov.my/sesat/BM/#1.Sejarah_Ringkas). Rujukan dibuat oleh penulis pada hari Isnin 3 Disember 2001.

<sup>88</sup> Siti Ramlah binti Ibrahim, *Op. Cit.*, h. 40-42.

<sup>89</sup> Sebelum merdeka pada tahun 1957, Malaysia terkenal sebagai Tanah Melayu atau Malaya.

pengikutnya dari akidah Islam yang suci, namun tidak ada pihak yang boleh mengawalnya. Bagaimanapun darpada rekod-rekod yang telah ditemui,<sup>90</sup> ajaran sesat yang terawal ialah ajaran Taslim. Oleh kerana Pulau Pinang adalah Negeri Selat yang terletak dibawah pentadbiran Inggeris, sehingga Malaya merdeka, Pulau Pinang bebas dari pentadbiran Islam. Maka ajaran Taslim juga boleh bergerak bebas di negeri itu, malah telah dikembangkan ke negeri-negeri lain.<sup>91</sup>

Walaupun tidak dapat dinafikan mungkin ada ajaran-jaran sesat lain yang muncul seiring atau dibelakang ajaran Taslim, tetapi semuanya tidak menonjol ketika itu. Ada kemungkinan anggapan tidak menonjol ini disebabkan pada tahun-tahun 1950an, sebelum Malaya merdeka, umat Islam di rantau ini masih diselimuti oleh “*world view*” tradisional dimana unsur-unsur tasawuf dianggap ‘murni dan amat tinggi’ nilainya. Maka ajaran dan amalan tasawuf tidak dilihat secara kritikal atau objektif. Jadi tidaklah nampak apa-apa penyesatan di dalam ajaran tersebut kecuali yang menonjol seperti ajaran Taslim. Pada hal masa itu telah tersebar luas kitab-kitab tasawuf berunsur wujudiah-batiniah seperti ‘*Kashf al-Asrār*’.<sup>92</sup>

<sup>90</sup> Rekod-rekod yang dimaksudkan di sini ialah rekod-rekod dari hasil kajian Pusat Penyelidikan Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Perdana Menteri sejak tahun 1975 sama ada berupa dokumen, buku dan hasil temuramah dengan orang-orang yang berpengalaman dengan ajaran sesat. Lihat Bahagian Hal Ehwal Islam (1988), *Penjelasan Terhadap Beberapa Penyelewengan Dalam Amalan Tarekat*, JPM, Kuala Lumpur, h. 2-23. Lihat sama, Abdullah Fahim bin Haji Ab. Rahman, *Op. Cit.*, h. 14.

<sup>91</sup> Abdulfatah Haron Ibrahim, *Op. Cit.*, h. 33-37.

<sup>92</sup> Abdullah Fahim bin Haji Ab. Rahman, *Op. Cit.*, h. 20-21.

Pusat Penyelidikan Islam (Bahagian Akidah), JAKIM, telah mengumpulkan jumlah ajaran-ajaran sesat ini sejak tahun 1975<sup>93</sup> dan mendapati hingga bulan Mei tahun 2001 terdapat 124 kumpulan ajaran sesat yang telah dan sedang bergerak. Tetapi dari jumlah tersebut, sekarang ini hanya 17 kumpulan dari ajaran-ajaran tersebut masih aktif dan tidak dapat dihapuskan disebabkan oleh faktor-faktor tertentu.<sup>94</sup> Jumlah ajaran menyeleweng yang dapat dikesan oleh pihak-pihak berkenaan tidak sama jumlahnya dari satu masa ke satu masa yang lain. Jika dilihat pada tahun 1975 terdapat 75 kumpulan ajaran tersebut yang telah ‘terhapus’ dan yang masih aktif di negara ini.<sup>95</sup> Pada tahun 1994 pula sebanyak 86 kumpulan yang dapat dikesan. Manakala sehingga tahun 2001 pula terdapat 124 kumpulan ajaran yang menyeleweng itu dapat dikesan.

Di bawah ini diberikan satu analisis terhadap 30 (tiga puluh) ajaran tersebut berdasarkan maklumat Pusat Penyelidikan Islam JAKIM, dan beberapa sumber lain yang relevan.<sup>96</sup> (Sila lihat Jadual 1, di muka surat sebelah).

<sup>93</sup> Selepas ia ditubuh pada tahun 1974, dengan nama Pusat Penyelidikan Islam (PPI), Jabatan Perdana Menteri.

<sup>94</sup> Sila lihat Jadual 2.

<sup>95</sup> Abdullah Fahim bin Haji Abdullah, *Op. Cit*, h. 21.

<sup>96</sup> Analisis ini dibuat dalam bentuk jadual (Sila lihat Jadual 1).

## JADUAL 1

Tiga Puluh (30) Ajaran Sesat Di Malaysia Dan Dua Isi  
Ajaran Masing-Masing

Bil	Nama Ajaran, Tahun Dikesan Dan Tempat Berkembang	Pengasas, Asal / Tempat Lahir	Penekanan Ajaran / Pendekatan Ajaran
1.	Ajaran Taslim (T) (1930 an) Pulau Pinang	Haji Muhamad Matahari, Madura, Jawa.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengenal diri maka kenallah Allah.</li> <li>2. Mesti terima Islam dari keturunan Rasulullah.</li> </ol>
2.	Ajaran Qadiyani (B) (1950 an) Selangor.	Mirza Ghulam Ahmad India.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Nabi akan datang terus menerus.</li> <li>2. Wahyu tidak terhenti.</li> </ol>
3.	Ajaran Subub (M) (1950 an) Kelantan.	Mohd. Subuh Sumohadi Widjojo, Jawa.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Wahyu akan datang terus menerus.</li> <li>2. Menggunakan kaedadah yoga.</li> </ol>

**Jadual 1. Sambungan**

4.	Tarekat Mufarridiah (T) (1960 an) Johor, Selangor.	Syieikh Maknur Yahya Langkat, Sumatera.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Dakwaan sebagai Imam Mahdi, Isa dan bapa segala manusia.</li> <li>2. Ibadat sampai fana'.</li> </ol>
5.	Ajaran Ikhwan (T) (1970 an) Melaka, Kuala Lumpur.	Syed Muhammad al-Masyhor b. Syed Ali Al-Masyhor, Singapura	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mesti terima Islam dari keturunan Rasulullah untuk menjamin keselamatan di akhirat.</li> <li>2. Ada nikah batin.</li> </ol>
6.	Tarekat Naqsyabandiah Kadiran Yahya (TNKY) (T) (1970 an) Selangor.	Prof. Kadirun Yahya M.Sc. Medan, Sumatera.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bertawassul dengan mursyid.</li> <li>2. Ada cara eksakta untuk jamin masuk syurga.</li> </ol>

**Jadual 1. Sambungan**

7.	Tarekat Samaniah (T) (1970 an) Selangor.	Syeikh Ibrahim Bonjol, Medan, Sumatera.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tasawuf tawassul dan fana'</li> <li>2. Kenal diri, maka kenal Allah.</li> </ol>
8.	Ajaran Nurul-Qalbi (T) (1970 an) Selangor.	M.Z. Afandi Selangor.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Dakwa ada silat batin yang sakit,</li> <li>2. Adanya takwif wafaq antara ibadat dan (teori wafaq)</li> </ol>
9.	Ajaran Zikrullah Hassan Anak Rimau (T) (1970 an), Kelantan, Terengganu.	Hassan bin Yaacob, Kelantan.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengenal diri maka kenallah Allah.</li> <li>2. Sembahyang fardu tidak wajib.</li> </ol>

**Jadual 1. Sambungan**

10.	Ajaran Nasir Ismail (B) (1970 an) Johor.	Mohd. Nasir Ismail, Kampucheia (tinggal di Johor).	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Imam Mahdi sudah datang untuk mengnasai dunia.</li><li>2. Ada kesaktian melalui amalan tertentu umpamanya kebal.</li></ol>
11.	Ajaran Abu Bakar Bappu (B) (1978), Johor.	Abu Bakar Bappu, Keluang, Johor.	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Ada reinkarnasi (Abu Bakar Bappu) penjelmaan Sayyidina Abu Bakar.</li><li>2. Pemijaan kubur akan menghasilkan sesuatu.</li></ol>
12.	Ajaran Zulfikar (B) (1972), Kelantan.	Cik Maimun Rabiah, Kelantan.	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Reinkarnasi Isa dan penjelmaan Mahdi ke dalam badan guru.</li><li>2. Mendapat kekuatan ghaib untuk berjuang menjelang kiamat.</li></ol>

**Jadual 1. Sambungan**

13.	Tarikat Nurul Zaman (T) (1979), Negeri Sembilan.	Hj. Sulaiman Ahmad, Negeri Sembilan.	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Kiamat sudah hampir dan persiapan ilmu kebal.</li><li>2. Dapat berhubung dengan nabi-nabi dan malaikat.</li></ol>
14.	Ajaran Crypto (B) (1970 an), Pulau Pinang.	Mokhtar b. Hassan Pulau Pinang.	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Wahyu datang terus menerus.</li><li>2. Yang istimewa ialah orang Yahudi bukan orang Islam.</li></ol>
15.	Ajaran Aurad Muhammadiyah, Al-Arqam (1970 an) (T) Wilayah Persekutuan	Hj. Ashaari bin Muhammad, Sungai Penchala, Kuala Lumpur.	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Syeikh Muhammad al-Suhaimi adalah bakal Imam Mahdi.</li><li>2. Berhubung / mendapat pertolongan dari mursyid yang telah mati (yang didakwa tidak mati</li></ol>

**Jadual 1. Sambungan**

16.	Ajaran Nasrul Haq (M) (1970 an) Selangor.	Johanes Choeldi, Sumatera.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ada kekuatan batin melalui bacaan terentu.</li> <li>2. Ilmu batin mesti di perturunkan (secara bertawasul).</li> </ol>
17.	Ajaran 4 Sahabat (B) (1970 an) Kelantan.	Syed Abdul Mutualib b. Syed Ibrahimb. Kelantan.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Berlaku penyejmaan nabi-nabi ke dalam diri orang tertentu.</li> <li>2. Isa dan Mahdi sudah turun -- kiamat sangat hampir.</li> </ol>
18.	Ajaran Hj. Sani Kamaruddin (T) (1970 an) Kajang Selangor.	Hj. Abdullah Sani @ Hj. Kamaruddin, Selangor.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Dapat ilmu secara ladumni dan kasyara.</li> <li>2. Kekuatan batin atau rohani mengatasi segala kekuatan lain.</li> </ol>

**Jadual 1. Sambungan**

19.	Tarikat Khalid (T) (1970 am), Petaling Jaya, Selangor.	Khalid b. Arshad, Johor (tinggal di Petaling Jaya, Selangor).	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Ada menerima ilmu hadunni dan berhubung dengan roh.</li><li>2. Ada nikah batin.</li></ol>
20.	Tarikat Ahmadiyah Shazaliyah Selubung Hujan (T)	Hj. Abdul Aziz b. Janfar, Kuala Kurau, Perak.	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Mendapat tarikat tetus dari Rasulullah.</li><li>2. Yang perlu hanya ibadat secara batin (niat sahaja).</li></ol>
21.	Ajaran Abu Darsan (T)	Abu bin Darsan Kuantan, Pahang	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Ratib adalah amalan tertinggi – mencapai hakikat dan ma'rifat.</li><li>2. Manusia adalah sifat Allah.</li></ol>

**Jadual 1. Sambungan**

22.	Ajaran Mohd. Nor Kua Supa ('T) (1985), Machang, Kelantan.	Mohd. Noor b. Seman Machang, Kelantan.	1. Mengenal diri kenalah Tuhan. 2. Orang makrifat bila mati menjadi Tuhan semula.
23.	Ajaran Ahmad Laksamana (Ajaran Tajalli) ('T) (1985), Kota Bharu, Kelantan.	Ahmad Laksamana b. Hj. Omar Rantau Panjang, Kelantan.	1. Ingin menjadi Tuhan semula. 2. Mentakwil istilah-istilah agama dan lain-lain secara padanan istilah atau jangka (teori wafaq).
24.	Ajaran Pak Teh Selamat (1989) ('T) Tanah Merah, Kelantan.	Awang Teh b. Kamal Bachok, Kelantan.	1. Wahyu boleh turun terus menerus. 2. Diri kita sendiri boleh tentukan hukum kerana diri kita adalah Tuhan.

**Jadual 1. Sambungan**

25.	Ajaran Maidin Mamat (1990) (T) Tanah Merah, Kelantan.	Maidin bin Mamat (48)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sebut Ana'l Haq, Ana Hu dan Ana-Dhat semasa sembahyang.</li> <li>2. Mengenal diri maka kenallah Allah.</li> </ol>
26.	Kassim Ahmad (1980 an) Pulau Pinang.	Kassim Ahmad	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menolak hadis secara total sebagai sumber akitah dan perundangan Islam.</li> <li>2. Menolak dua kalimah syadah dan rukun iman.</li> </ol>
27.	Ajaran Syed Mohamad Al-Masyhor (Tarekat Islam @ Kumpulan Ikhwan @ al-Mas), (B) 1960 an.	Syed Mohamad al Masyhor	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Gurunya mendakwa Rasulullah telah mengamanatkan kepadanya sebagai pengganti Nabi Muhammad s.a.w,</li> <li>2. Tidak wajib sembahyang, puasa dan lain-lain kewajipan ibadat yang disyariatkan.</li> </ol>

**Jadual 1. Sambungan**

<b>Jadual 1. Sambungan</b>			
28.	Ajaran Tijah @ Khatijah Bt. Ali @ Ajaran Wahdatul Wujud, (B) 1988 Kg. Seniosa, Kuala Lumpur dan Batu 13, Puchong, Selangor.	Tijah @ Khatijah bt. Ali	<ol style="list-style-type: none"> <li>Membawa konsep Nur Muhammad, sesiapa yang menangis dalam solat dianggap syirik, kerana yang wujud ialah Ahmad.</li> </ol>
29.	Ajaran Sulaiman (Bahtera Nabi Noh), (B) 1980 an Kelang, Selangor.	Sulaiman bin Mohd. Said	<ol style="list-style-type: none"> <li>Gurunya mendakwa sebagai Nabi Isa dan akan muncul semula, mendapat ajaran al-Quran terus dari Allah.</li> <li>Mendapat petunjuk dari langit dan mimpi kumpulan ini sahaja yang mengamalkan ajaran Islam sebenar.</li> </ol>
30.	Ajaran Syiah, (B) 1979, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kelantan, Johor, Perak dan Melaka.	Tokoh-tokoh yang terpengaruh dengan ajaran Syiah	<ol style="list-style-type: none"> <li>Imam adalah Maksum, kemunculan semua Imam Mahdi dan kumpulan orang yang telah mati untuk memberi keadilan, menghalalkan nikah Mut'ah.</li> <li>Saidina Ali disamatarafkan dengan Allah s.w.t.</li> </ol>

Nota: (T) – Tasawuf

(M) – Mistik

(B) – Bebas

Sumber: Berdasarkan maklumat Unit Penyelidikan Islam, JAKIM dan lain-lain sumber yang relevan.

Sepanjang empat tahun dari 1996-1999 yang lalu, JAKIM telah menerima aduan sebanyak 130 kes ajaran sesat yang boleh di pecahkan kepada tujuh kategori. Berdasarkan kepada **Jadual 2**, menunjukkan tiga kategori teratas berjumlah 84 (64.6%) aduan adalah dari jenis ajaran sesat, tarekat, bomoh dan silat. Manakala selebihnya adalah daripada aduan-aduan lain.

Ajaran-ajaran sesat yang bergerak cergas di negeri-negeri seluruh Malaysia sebelum tahun 1980an bukan sahaja telah mengalami pengurangan, bahkan kebanyakannya telah dapat dibanteras oleh pihak berkuasa agama negeri-negeri. Di antaranya hingga keperingkat undang-undang yang melibatkan hukuman denda atau penjara. Di samping itu terdapat juga tindakan yang dilakukan melalui pewartaan fatwa, proses pemulihan akidah dan program-program penjelasan akidah yang dilakukan oleh JAKIM atau Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri.

**JADUAL 2****Jenis Aduan Bagi Tahun 1996–1999**

Bil	Jenis Aduan	1996	1997	1998	1999	Jumlah	Peratusan (%)
1.	Ajaran Sesat	3	4	22	13	42	32.30
2.	Tarekat Kerohanian	-	4	8	9	21	16.15
3.	Bomoh / Silat	-	1	13	7	21	16.15
4.	Syiah dan Lain-lain	-	1	10	8	19	14.61
5.	Murtad	-	3	5	5	13	10.0
6.	Diayah Agama Lain	-	-	7	5	12	9.23
7.	Anti Hadis	-	-	1	1	2	1.53
	Jumlah	3	13	66	48	130	100.00

Sumber: Dokumen-dokumen berkaitan sehingga tahun 2002, yang diperolehi penulis daripada Unit Penyelidikan, Bahagian Akidah, JAKIM.

Kebanyakan ajaran sesat di Malaysia bergerak secara serampang dua mata, iaitu bercampur aduk di antara amalan tasauf teosufi atau wujudiah batiniah dan kebatinan. Di samping itu ianya juga melibatkan amalan-amalan perbomohan yang menggunakan ‘helah’ agama untuk kepentingan diri pengamalnya. Hal ini pada hakikatnya adalah semata-mata suatu amalan yang berpunca dari ajaran batiniah yang sememangnya kufur dan bertentangan sama sekali dengan ajaran Islam yang maha suci.

Hasil daripada tindakan yang dilakukan oleh agensi-agensi yang terlibat dengan usaha membendung dan menghapuskan gejala penyelewengan akidah yang berlaku di kalangan masyarakat Islam di negara ini, terutama penyelewengan yang tersebar melalui kumpulan-kumpulan ajaran sesat yang merupakan agen utama dalam masalah ini, maka jumlah ajaran sesat yang dikenal pasti semakin berkurangan. Daripada sejumlah 124 ajaran sesat yang dikesan, khususnya sejak tahun 1996 hingga 1998, hanya 17 kumpulan ajaran sahaja yang masih aktif di seluruh negara.<sup>97</sup> Ajaran-ajaran itu adalah seperti apa yang dinyatakan pada **Jadual 3** di sebelah.

---

<sup>97</sup> Fakta ini berdasarkan dokumen-dokumen laporan mengenai ajaran sesat terkini yang didapati dari Unit Penyelidikan, Bahagian Akidah, JAKIM.

### JADUAL 3

#### Senarai Ajaran Sesat Yang Masih Aktif

Bit	Ajaran / Kumpulan	Tempat Aktif	Tahun Mula
1.	Ajaran Golongan Anti Hadis	Negeri-negeri di Malaysia	1985
2.	Ajaran Hj. Ghazali	Selangor / Kuala Lumpur	1994
3.	Ajaran Hj. Kahar	Hulu Klang dan Selangor	1991
4.	Ajaran Haktikal Insan / Tajali	Kelantan, Terengganu, Pahang, Selangor, Perak, Pulau Pinang dan Langkawi	1985
5.	Ajaran Martabat Tujuh / Wahdatul Wujud	Sabak Bernam, Kual Pilah, Negeri Sembilan	1991 1996
6.	Ajaran Qadiani	Kg. Nahkoda, Selangor, Sabah, Kedah	1960an
7.	Ajaran Al-Mas / Tarikat Islam / Ikhwan	Kg. Baru, Kuala Lumpur, Cheras, Umbai, Melaka, Seremban, Negeri Sembilan	1970an

**Jadual 3. Sambungan**

8.	Ajaran Taslim (B)	Kg. Seronok Balik Pulau Pulau Pinang, Yan Kedah, Ipoh Perak Dan Segamat Johor	1970an
9.	Ajaran Aurad Ismailiah	Sik Kedah, Ulu Langat Selangor dan Kota Tinggi Johor	1970
10.	Ajaran Tarikat Naksyabandiah Kadirun Yatiya	Sik Kedah, Selangor dan Kota Bharu, Kelantan	1960an
11.	Tarikat Samaniah Ibrahim Bonjol	Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang	1950an
12.	Ajaran Ratib Kuat Ayah Pin @ Arifin Muhamad	Besut Terengganu, Pasir Putih Kelantan, Perak dan Pahang	1982
13.	Ajaran Rahim (B)	Sungai Mulia Gombak, Setapak, Kuala Lumpur Kajang, Selangor	1994
14.	Ajaran Islam Jamaah	Morib Selangor dan Tawau Sabah	1977
15.	Kumpulan Al-Arqam	Seluruh Malaysia	1968
16.	Ajaran Hasan Anak Rimau	Kelantan, Terengganu dan Pahang	1971
17.	Syiah	Seluruh Malaysia	1979

Sebanyak 17 ajaran sesat di jadual 3 adalah ajaran-ajaran yang dikenal pasti mempunyai unsur-unsur tertentu yang menyebabkan ianya sukar dibanteras. Di antaranya ialah amalan tarekat dan sufi tersebut ada kaitan dengan bidang falsafah, amalan pembomohan yang berunsur kebatinan dan khurafat, amalan sihir dan penggunaan jin dan hantu, juga ajaran batiniah yang disenyawakan dengan tasawuf (Wujudiah Batiniah).

## 2.6 Perkembangan Agama Islam Di Negeri Kelantan

Negeri Kelantan merupakan salah sebuah daripada 14 buah negeri di Malaysia. Dari sudut geografi, negeri Kelantan terletak di Timur Laut semenanjung Malaysia, berhadapan dengan Laut China Selatan. Malaysia meliputi 336,700 km persegi yang terdiri daripada Semenanjung, Sabah dan Sarawak di Kepulauan Borneo.<sup>98</sup>

Negeri Kelantan mempunyai keluasan 14,922 km persegi. Kota Bharu; ibu negeri Kelantan, adalah sebuah bandar yang sibuk sebagai pusat tumpuan bagi pentadbiran dan aktiviti perniagaan. Negeri ini terbahagi kepada 10 jajahan pentadbiran iaitu, Kota Bharu, Pasir Mas, Tumpat, Pasir Puteh, Bachok, Kuala Krai, Machang, Tanah Merah, Jeli dan Gua Musang. Negeri Kelantan yang mempunyai penduduk seramai 2.4 juta orang yang terdiri daripada bangsa Melayu, Cina, India, Siam, dan lain-lain. Sebanyak 94% penduduknya berbangsa Melayu (Islam). Kelantan diperintah mengikut parti politik dan ia mempunyai hubungan yang baik dengan kerajaan Persekutuan, mungkin ini menunjukkan

<sup>98</sup> Goh Cheng Leong, *Op. Cit.*, h. 93-98. Goh Cheng Leong, *Op. Cit.*, h. 93-98.

bahawa Malaysia adalah sebuah negara unik dan matang yang mengamalkan sistem demokrasi. Dari sudut sejarah Kelantan adalah sebuah negeri yang tertua dalam sejarah dan kebudayaan Melayu bahkan lebih tua dari kewujudan Melaka.<sup>99</sup>

Kemasukan Islam ke negeri Kelantan dipercayai secara langsung dari negeri Arab, kerana Kelantan dari dahulu lagi bermazhab Syafi'i, bacaan al-Quran mengikut lafaz Arab dan bunyi sebutan tidak ada bezanya dengan sebutan lidah Arab. Selain daripada wang dinar yang bertarikh 557 Hijrah yang menggunakan tulisan Arab, maka pada tahun 1321 hijrah bersamaan 1906 Masihi, sekali lagi tulisan Arab digunakan pada pitis (wang) yang menjadi perbelanjaan kerajaan Kelantan yang dikeluarkan oleh pihak pemerintah pada Bulan Zulhijjah 1321 hijrah. Pitis ini digunakan di samping ringgit Kerajaan Selat.<sup>100</sup>

Negeri Kelantan juga terkenal dengan gelaran negeri ‘Serambi Mekah’ yang membayangkan Islam amat kuat dihayati oleh rakyat dan pemerintah di negeri ini. Kelantan telah beberapa kali menjalankan hukuman mengikut al-Quran, seperti di zaman pemerintahan Sultan Ahmad (1886-1889M.) dan Sultan Mansur (1890-1900M.). Begitu juga Sultan Muhammad II (1837-1886M.) merupakan Sultan Kelantan yang melakukan pemerintahan lebih teratur dan mengikut undang-undang Islam di mana beliau melantik Mufti sebagai ketua hakim-hakim. Pedagang-pedagang negeri Arab, Farsi dan Gujerat sebagai contoh

<sup>99</sup> Aziz Deraman, 'Ke Arah Pembangunan Kebudayaan Dalam Konteks Pembangunan Ekonomi Kelantan' (1970), Seminar Sejarah dan Budaya Wilayah Kelantan, Kota Bharu Vol. 1, h. 1.

<sup>100</sup> Ismail Awang (1986), *Sejarah Masuknya al-Qur'an Ke Kelantan Dalam Warisan Kelantan*, Volume V, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Istana Jahar, Kota Bharu Kelantan, h. 79.

hakim seperti Tok Khurasan dari Khurasan, begitu juga raja-raja atau pihak istana memainkan peranan dalam memantapkan keislaman di Tanah Melayu khususnya negeri Kelantan.<sup>101</sup>

Kota Bharu dahulunya bukan sahaja menjadi pusat pentadbiran, tetapi juga pusat pengajian agama yang terkenal di seluruh Asia Tenggara. Ini kerana munculnya ulama-ulama yang berpendidikan Timur Tengah dan tempatan. Penduduk di bandar Kota Bharu pada awal abad ke-20 merasakan ketenangan jiwa dan diberkati Allah kerana suasana keagamaan menyelubungi mereka.<sup>102</sup> Antara tahun 1900 hingga 1940M. Kota Bharu menjadi pusat pentadbiran negeri Kelantan juga sebagai pusat pengajian dalam bidang keagamaan.<sup>103</sup> Sebagai contoh Masjid Muhammadi sebagai pusat pengajian Islam, di mana terdapat ramai ulama tempatan yang mendapat pendidikan di Masjidil Haram Mekah mengajar di sini. Antaranya ialah Tuan Guru Wan Ali Kutan (M.1912M), Tok Kenali (M.1933M.),<sup>104</sup> Tuan Guru Haji Saad Kang Kung (M.1943M.), Tuan Guru Haji Abdullah Tahir (M.1961M.), dan beberapa tokoh ulama Kelantan yang terkenal

<sup>101</sup> S. Q. Fatimi (1963), *Islam Comes To Malaysia*, Malay Siam Sosiological Research Institut LTD. Singapore, h. 71.

<sup>102</sup> Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Hassan (1983), 'Islam dan Masyarakat Kota Bharu di Antara Tahun 1900-1940'. *Islam di Kelantan*, Persatuan Sejarah Malaysia, h. 1.

<sup>103</sup> Suasana sedemikian masih dirasai sehingga ke hari ini, kerana masih ramai dari golongan ulama yang megadakan kelas-kelas pengajian agama di Masjid Muhammadi dan beberapa tempat lain yang terletak disekitar bandar Kota Bharu.

<sup>104</sup> Nama sebenarnya ialah Haji Muhammad Yusof bin Ahmad. Dilahirkan di Kampung Kenali, Kubang Kerian, Kota Bharu pada tahun 1287H/1870M. Guru Pondok yang sangat dihormati bahkan hingga sekarang pun namanya masih menjadi bualan dan disebut ramai. Merupakan seorang Tokoh Ulama Kelantan paling masyhur, mal

juga turut mengajar di situ. Pengajian agama merupakan pelajaran yang dominan di Kelantan di mana para ulama menjadi tumpuan masyarakat di Kelantan.<sup>105</sup>

Sementara itu pondok-pondok tempat pengajian ilmu agama terdapat hampir di setiap jajahan di negeri Kelantan. Suasana begini menjadi tarikan kepada ulama luar untuk berhijrah ke negeri Kelantan dan mengajar agama di sini, seperti Haji Muhamad Said dari Linggi Negeri Sembilan serta Tok Khurasan<sup>106</sup> dari Afghanistan yang datang di awal abad ke-20. Di samping itu suasana yang demikian juga menjadi tarikan kepada pelajar dari Kemboja, Selatan Thailand, Kepulauan Indonesia, Vietnam dan negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu untuk datang mempelajari ilmu-ilmu agama di negeri ini.<sup>107</sup>

Masyarakat Kelantan memandang tinggi terhadap para ulama di samping mereka dianggap alim dalam ilmu agama dan dianggap manusia berkat. Orang ramai cuba mendekatkan diri masing-masing serta berbakti kepada para ulama. Mereka membuat kunjungan untuk bertanya tentang perkara-perkara yang dihadapi oleh mereka berhubung soal-soal keagamaan dan juga untuk meminta seseorang ulama itu sembahyang hajat bagi keselamatan hidup keluarga mereka di dunia ini. Sambil membuat kunjungan di kalangan orang-orang kampung pula

<sup>105</sup> Ismail Che Daud (1997), *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Tanah Melayu*, MAIK, Kota Bharu, h. 12-23. Lihat sama Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Hassan, *Op. Cit.*, h. 1-2.

<sup>106</sup> Tok Khurasan; nama sebenarnya Abu Abdullah Syed Hassan bin Nor Hassan, seorang ulama yang berasal dari negeri Afghanistan. Lihat Ismail Che Daud, *Op. Cit.*, h. 23-28.

<sup>107</sup> Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Hassan (1983), *Islam Di Kelantan*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, h. 3.

ada yang menolong sesuatu untuk keluarga ulama, seperti membersihkan rumah dan halamannya dan lain-lain keperluan kehidupan keluarga ulama itu.<sup>108</sup>

Pada lazimnya, komuniti Melayu tradisional mempunyai ulama atau guru agama yang lebih dikenali dengan panggilan ‘Tok Guru’. Mereka melambangkan semangat keagamaan dalam masyarakat tersebut dan biasanya bertugas mengajar di surau atau masjid-masjid dan menjalankan upacara-upacara keagamaan. Pada umumnya bagi orang-orang Melayu di kampung-kampung, agama merupakan lambang hidup dan juga lambang perpaduan.

Suasana sosial masyarakat Kelantan (khususnya Kota Bharu) yang hidup di dalam kelompok-kelompok perkampungan tertentu dan perhubungan yang akrab membantu ke arah memeriahkan sambutan terhadap pengajaran ulama-ulama itu kerana jika seseorang itu berminat, yang lain juga mengikutnya. Keadaan hidup yang sederhana dan kegiatan ekonomi kecil-kecilan menyebabkan masa untuk beribadat lebih banyak. Ulama-ulama juga menyedari mereka hanya mewarisi pengetahuan dari kitab-kitab agama yang ditulis ulama-ulama terdahulu sahaja, walaupun begitu ia disanjung tinggi oleh masyarakat. Kesedaran itu menyebabkan mereka menggalakkan anak-anak mereka melanjutkan pelajaran ke Mekah, Mesir, India dan lain-lain.

Apabila membincangkan mengenai perkembangan agama Islam di negeri Kelantan, ianya tidak boleh dinafikan peranan Majlis Agama Islam dan Adat

<sup>108</sup> Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Hassan, *Op. Cit.*, h. 9-12

Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) begitu penting dalam hal keislaman di negeri ini. MAIK merupakan badan yang bertanggungjawab mentadbir segala hal yang bersangkutan dengan agama Islam. Badan ini telah ditubuhkan oleh Sultan Muhammad ke-IV atas nasihat seorang ulama yang terkenal iaitu Haji Muhammad Yusof bin Ahmad yang lebih dikenali dengan panggilan ‘Tok Kenali’.<sup>109</sup>

Matlamat penubuhan MAIK pada waktu itu ialah untuk membangunkan semula pentadbiran agama Islam di negeri Kelantan, di mana kuasa Sultan sebagai ketua agama Islam akan bertambah kukuh lagi. Pemerintah sedar bahawa sekiranya Kelantan hendak maju, maka tugas ini hanya akan terlaksana melalui agama. Selain itu penubuhan MAIK juga untuk melicinkan lagi soal pengurusan dan penyelaras dalam pentadbiran agama.<sup>110</sup>

Di antara aktiviti yang dijalankan oleh badan ini ialah membina dan memperbaiki masjid-masjid, memajukan perjalanan sistem pendidikan diperingkat negeri Kelantan sama ada sekolah-sekolah aliran Melayu atau Arab,<sup>111</sup> aktiviti penterjemahan dari kitab-kitab berbahasa Arab ke dalam bahasa Melayu, mengawal selia seluruh masjid dan surau-surau yang terdapat di negeri Kelantan,

<sup>109</sup> Noraini binti Md. Zain (1988), *Sejarah Penubuhan Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan*, Warisan Kelantan Vol vii, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Istana Jahar, Kota Bharu Kelantan, h. 7-15.

<sup>110</sup> *Ibid.*, h. 65.

<sup>111</sup> Sebelum penubuhan Yayasan Islam Kelantan (YIK) pada bulan Mac 1983. Ianya dipengerusikan sendiri oleh Menteri Besar. YIK bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sekolah-sekolah Rendah dan Menengah Agama Arab yang terdapat di seluruh negeri Kelantan. Sehingga tahun 2001 terdapat sebanyak 80 buah sekolah dibawah seliaan YIK.

mengadakan aktiviti-aktiviti kebajikan untuk masyarakat seperti memberi pertolongan kepada fakir miskin dan juga menjalankan aktiviti-aktiviti yang boleh menambahkan sumber kewangan MAIK dengan cara mendirikan rumah-rumah sewa serta menjalankan kegiatan perniagaan.<sup>112</sup>

MAIK juga telah menyediakan peruntukan kewangan yang khusus untuk menjalankan dakwah di kalangan orang-orang asli. Di bidang pelajaran walaupun MAIK telah menyerahkan sekolah-sekolah agama kepada pihak Yayasan Islam Kelantan setelah penubuhannya pada tahun 1983, akan tetapi MAIK tetap memberi perhatian terhadap kemajuan pendidikan di negeri ini, seperti menyediakan Skim Pinjaman Buku Teks, Biasiswa Kecil Majlis Agama dan Biasiswa Pelajaran Tinggi. MAIK juga bertanggungjawab dalam memastikan perkembangan agama Islam di negeri Kelantan tidak diresapi oleh unsur-unsur penyelewengan dari sahaman atau ajaran yang terkeluar dari akidah Islam yang sebenar yang berdasarkan kepada akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah yang menjadi asas pegangan akidah di negeri ini.<sup>113</sup>

Pada tahun 1979, dengan persetujuan Sultan Yahya Petra maka kerajaan Kelantan telah menujuhkan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JHEAIK) untuk membantu Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan dalam membangunkan syiar Islam serta memantau perkembangan ajaran Islam di negeri ini dari sebarang bentuk penyebaran akidah yang terkeluar dari garis panduan Islam. JHEAIK telah menyediakan draf Enakmen Keluarga Islam yang mana

<sup>112</sup> Noraini binti Md. Zain, *Op. Cit.*, h. 70 - 85.

<sup>113</sup> *Ibid.* h. 80-83.

ianya telah dikuatkuasakan pada 1 Januari 1984. Ia bertujuan untuk memperkemaskan undang-undang nikah kahwin dan hal ehwal Islam di negeri Kelantan.<sup>114</sup>

## 2.7 Kemunculan Ajaran-Ajaran Sesat Di Negeri Kelantan

Dalam usaha untuk membangunkan kekuatan ummah dan menyebarluaskan ajaran Islam, masih terdapat golongan masyarakat yang cuba menimbulkan kekeliruan terhadap kebenaran syariat Islam dengan membawa dan memperkenalkan kepada masyarakat ajaran-ajaran yang menyeleweng dari akidah Islam. Keadaan ini telah menyebabkan berlakunya beberapa perubahan negatif terhadap kepercayaan, sikap dan amalan pengikut-pengikut ajaran terbabit. Walaupun pelbagai usaha telah dilaksanakan, pengaruh ajaran sesat ini masih terus bertapak dan ia telah menggugat akidah segolongan kecil umat Islam di negeri ini, khususnya di jajahan Tanah Merah yang menjadi fokus utama dalam kajian ini.

Walaupun implikasi daripada melibatkan diri dengan ajaran sesat yang membawa kepada penyelewengan dalam beragama adalah besar dari segi akidah, namun masih ada umat Islam yang tetap melibatkan diri dengan jenayah ini. Golongan pengamal ajaran sesat kerap menggunakan beberapa taktik sebagai umpan untuk mendapatkan pengaruh di kalangan masyarakat. Di antaranya ialah

<sup>114</sup> Lihat Laporan Pejabat Tanah Kota Bharu dalam buku Sempena Hari Keputraan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia al-Sultan Kelantan 1998 yang bertema “**Raja Berdaulat Rakyat Muafakat, Pemangkin Ummah**”.

janji-janji dan jaminan yang boleh merangsang seseorang itu percaya dan terpengaruh. Jaminan ajaran tersebut bolch mendatangkan manfaat ‘duniawi dan akhirat’. Manfaat kesenangan akhirat dikaitkan dengan balasan syurga. Manakala manfaat duniawi dikaitkan dengan kesenangan harta, pangkat dan keseronokan seperti kegiatan seks, semata-mata atas dasar pengorbanan dan keikhlasan dan sebaliknya. Sikap guru-guru ajaran sesat yang mengasah pemikiran untuk fanatik dan mengagungkan ketua mereka juga telah menyebabkan mereka terperangkap dengan gejala ini dan sukar untuk meninggalkannya kerana takut dianggap derhaka kepada ketuanya.

Penyelewengan akidah di negeri Kelantan sebahagian darinya berlaku dalam bentuk apa yang didakwa sebagai ‘amalan tarekat’. Tarekat yang digunakan oleh kumpulan-kumpulan yang membawa ajaran tersebut ialah dengan menggunakan nama tarekat-tarekat yang masyhur dan dikenali, seperti tarekat Naqsyabandiah, Ahmadiyah, Syaziliah dan lain-lain untuk memancing dan menarik minat para pengikutnya. Sungguh pun ia mempunyai persamaan pada nama yang digunakan, namun ajaran yang dibawa adalah jelas menyeleweng dari amalan tarekat yang sebenar yang tidak bercanggah dengan ajaran syarak. Atas sebab persamaan nama, maka ramai dari mereka yang kurang pengetahuan agama tetapi berminat untuk mendekatinya, lalu tertarik dan seterusnya tertawan dengan ajaran-ajaran yang menyeleweng itu.

Gerakan penyebaran ajaran sesat lebih merbahaya daripada gerakan-gerakan pemesongan akidah yang lain, kerana ajaran sesat mudah merebak dan berkembang, ramai pengikut serta sukar dikesani; di samping ia disampaikan

secara sulit. Ia dibayangi oleh sumpah setia, yang menyebabkan individu-individu yang terlibat dengan ajaran-ajaran sesat tersebut sukar dipulihkan, kerana berselindung di sebalik nama Islam.

Di negeri Kelantan, terdapat beberapa bentuk ajaran sesat atau dikenali juga sebagai ajaran salah yang disebarluaskan oleh golongan tertentu kepada sesetengah kalangan masyarakat. Berdasarkan kepada analisa kajian-kajian yang dibuat<sup>115</sup> menunjukkan bahawa di antara sumber-sumber utama berlaku penyelewengan akidah di negeri Kelantan ialah Tasawuf Teosofi, Batiniah, Syiah Rafidah, khurafat, amalan bomoh dan tradisi. Keseluruhananya pengajaran ini disebarluaskan secara rahsia, tidak begitu dihebah-hebahkan kepada umum secara terang atau terbuka. Setiap dari pengikut ajaran tersebut tidak dibenarkan oleh ‘Maha Gurunya’ berdepan secara terbuka dengan orang-orang yang tidak bersedia menerima ajarannya dengan alasan masyarakat awam itu belum sampai ke *magam* tinggi yang telah mereka berada.<sup>116</sup>

Beberapa faktor telah dapat dikenalpasti sebagai punca berlakunya gejala penyelewengan akidah di negeri Kelantan yang disebarluaskan melalui kumpulan-

<sup>115</sup> Kajian mengenainya telah dibuat secara khusus oleh Bahagian Penyelidikan Jabatan Hal Ehwal Islam Kelantan dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Di samping itu terdapat juga Sarjana tempatan yang membincangkan mengenai jenayah ini, antaranya seperti Encik Salleh bin Ismail (1997), melalui Tesis Ph.D.nya yang bertajuk: *Murtad Di Malaysia – Satu Kajian Kes*, UKM, Bangi.

<sup>116</sup> Salleh bin Ismail, *Op. Cit.*, h. 345.

kumpulan ajaran sesat yang muncul. Di antara faktor-faktor yang paling utama ialah:<sup>117</sup>

- i- Sebahagian besar masyarakat Islam (khususnya masyarakat Islam di negeri Kelantan) yang tidak mendalaminya Islam melalui jalan yang sepatutnya, seperti mempelajari sesuatu ilmu agama melalui guru-guru yang *mursyid* dengan berpandukan kitab-kitab Islam yang muktabar, sehingga membuatkan mereka mudah terpengaruh dengan amalan-amalan sesat dalam menuju ke jalan Allah.
- ii- Mereka yang tamak dan haloba, ingin menjadi terkenal dan disebut-sebut dalam sejarah Islam kononnya mereka manusia pilihan Tuhan dan mereka pewaris Nabi dan Rasul. Ini menyebabkan di kalangan individu seperti itu cuba menonjolkan diri sebagai orang yang arif dalam ilmu-ilmu agama dan perubatan (tradisional) yang semata-mata bertujuan untuk kepentingan diri, dengan gelaran-gelaran seperti syeikh, maha guru, tok wali dan lain-lain. Selain itu, kebebasan akal tanpa batas (mengutamakan penggunaan akal) juga telah menyumbang kepada berkembangnya ajaran-ajaran sesat.
- iii- Kelemahan juga berlaku dari aspek undang-undang di mana hukuman yang diperuntukan terhadap mereka yang didakwa terlibat dengan ajaran sesat juga adalah terlalu ringan berbanding dengan

<sup>117</sup> Abdulfatah Haron Ibrahim, *Ajaran Sesat*, Op. Cit., h. 8-17. Lihat sama Laman Web: <http://www.geocities.com/zek-my/news/ut167.html>. Rujukan dibuat pada 30 Disember 2001 dan 22 April 2002.

kemudaratannya kepada orang Islam. Di samping itu kelewatan tindakan pihak berkuasa daripada pelbagai agensi menangani hal ini juga adalah antara faktor berkembangnya ajaran sesat ini.

- iv- Mereka yang sengaja sesat dan ingin pula menyesatkan orang lain.<sup>118</sup> Faktor-faktor ini telah menjadi cabaran kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung dalam usaha membanteras gejala ajaran sesat, yang menjadi punca utama berkembangnya jenayah penyelewengan akidah di negeri Kelantan.

Sebagaimana yang telah diketahui umum, bukan ajaran yang dibawa oleh Hassan bin Yaacob dari kampung Bukit Mas, Tanah Merah, sahaja ajaran sesat yang pernah disebarluaskan di Kelantan, malah masih terdapat lagi ajaran-ajaran lain yang tidak sempat penulis bincangkan dalam skripsi ini, seperti ajaran ‘Ilmu Anak Soleh’ di kampung Kedap, Rantau Panjang, ajaran ‘Mohd. Nor Kua’ yang berpusat di kampung Berangan Machang, ajaran ‘Ahmad Laksemana’ di Kota Bharu, ajaran ‘Tarekat Naksyabandiah Kadirun Yahya’ di Pasir Puteh, ajaran ‘al-Arqam’ dan lain-lain ajaran yang menyeleweng yang terdapat di negeri ini. Walau bagaimanapun di dalam kajian ilmiah ini penulis hanya menfokuskan satu daripada ajaran-ajaran sesat yang wujud di negeri ini, iaitu Ajaran Hassan Anak Rimau, dimana ajarannya jelas telah menyeleweng dari akidah Islam yang sebenar.<sup>119</sup>

<sup>118</sup> Muhammad Abdul Qadir Izad (1997), “Yahudi Dan Syi’ah”, *Pengasuh*, MAIK, Bil. 549, Ogos/September 1997, h. 20.

<sup>119</sup> Penyelewengan yang dibuat itu turut dikemukakan oleh penulis sepanjang kajian ini, khususnya pada bab ketiga dan keempat.